

DUNIA KITA BERUBAH
Akhirat Kekal Tak Goyah
Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani
DUNIA KITA BERUBAH...
siri
9



Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia

Cetakan Pertama : Rabiul Akhir 1437H - Februari 2016M

Diterbitkan oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
BAIT SYDNA SYEIKH ABDUN NASIR AL-HASANI
No. 2 Jalan Gunung Nuang U11/9A, Bukit Bandaraya SS U11,
40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Penerbit Eksekutif
Dr Mahmoud MrGlani

Penulis
Dr Mahmoud MrGlani

Penterjemah
Rahmat Muhamad MrGlani

Reka Bentuk kulit dan Kandungan
Abdul Jalil Shukor

Diedar Oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia



Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
Pustaka Sufi Arab - Terjemahan Melayu
Rahmat Muhamad



Dunia Kita Berubah
Akhirat Kekal Tak Goyah

Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani

alih bahasa :
Rahmat MrGlani

-siri 9-

Daftar Isi



Sidna As-Syeikh Al-Kamil
As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili

Sekapur Sireh



الحَمدُ لِلهِ رَبِّ العَالَـمِين * اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّم وَبارِك عَلَى سَيِّدِنَا وَمولَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الطَّيِّبِينَ وَذُرِّيَّتِهِ الـمُبَارَكِينَ وَصَحَابَتِهِ الأَكرَمِينَ وَأَزوَاجِهِ أُمَّهَاتِ الـمُؤمِنِينَ صَلَاةً مَوصُولَةً تَتَرَدَّدُ إِلَى يَومِ الدِّينِ * وَبَعدُه؛

Alhamdulillah dengan limpah kurnia dariNya sekarang terbitlah siri kesembilan dari koleksi terjemahan Melayu artikel guru murrobbi kami Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani Al-Husayni putera kota Madinah Al-Munawwarah dari asal teks Bahasa Arabnya yang beliau siarkan secara berterusan di laman Facebook sejak bertahun-tahun.

Penulisan beliau yang menyentuh berbagai topik dan secara khusus memfokus kepada usaha-usaha untuk menghidupkan kembali hati dan naluri insan Muslim dan nonmuslim di zaman kita telah membuka

mata, akal dan sanubari kami murid-murid beliau di tanah air, ia telah membantu memperbetul berbagai kesalahfahaman kami serta meluruskan halatuju dalam hidup untuk menempuh jalan menuju ALLAH.

Maka inilah kami bukukan artikel-artikel Syeikh kami itu buat peringatan dan obor menerangi hayat... untuk kita sekarang dan buat generasi yang mendatang.

وَاللهُ وَلِيُّ التَّوفِيقِ وَالسَّدَادِ وَإِلَيهِ المَرجِعُ وَالمَعَادُ.

-Penerbit-





ALLAHumma ROBBANA BagiMU Segala Pujian Kerna ENGKAU Telah Jadikan Kami Muslimin -1

24 Ogos 2015

Mabrouk (tahniah) buat kita semua… kerana punya kemuliaan manusiawi.

Di masa kini … pintu masuk utama di kebanyakan negara dunia… adalah lapangan terbang.

Dahulu kita merasa takut …(tanpa sebab)… ketika berangkat meninggalkan atau selamat sampai ke lapangan terbang, kerana di situ seragam tentera… adalah pakaian para pegawai kastam… dan imigresen.

Sekarang satu perubahan besar telah berlaku di lapangan terbang negara-negara Arab dan Islam.

Ia bermula di beberapa buah negara… dan sekarang bulan Ogos 2015M saya lihat di Lapangan Terbang Istanbul, Turki.

Pihak mereka telah menukar pakaian pegawai kastam di lapangan terbang… tukar dari pakaian gaya tentera yang menakutkan kepada pakaian gaya sivil

yang selesa dan sebelum itu mereka lebih dahulu telah menukar pakaian pegawai imigresyen.

Terima kasih kepada yang telah mencetuskan atau memulakan perubahan ini.

Pertama kali saya melihatnya beberapa tahun yang lalu di Lapangan Terbang Dubai… Emiriah Arab Bersatu… kemudian di Kuwait… kemudian… kemudian di Saudi.

Alhamdulillah atas berlakunya perubahan pada zahir ini… dan Insya ALLAH semoga Robbana mengubah kepada yang lebih baik pula pada batin kita.

Allahumm amin.

Banyak negara dunia… contohnya… negara-negara besar dan banyak lagi yang lain… masih tak mampu menukar pakaian mereka.

Sesampainya kamu di lapangan terbang mereka kamu rasa takut… seolah-olah kamu berada di bawah pemerintahan tentera… semua (pegawai) di situ memakai seragam askar.

Saya cinta demokrasi… sekiranya demokrasi itu mewakili fitrah manusiawi kerana saya seorang yang asyik dengan fitrah manusiawi.

Insya ALLAH semoga gerakan perubahan terus berlaku kepada semua penduduk bumi… kepada seluruh negara dunia... tidak hanya kepada kaum

Muslimin… serta negara-negara Arab dan Islam saja. Semua orang perlu berubah… kepada fitrah manusiawi

Allahumma amin.



ALLAHumma ROBBANA BagiMU Segala Pujian Kerna ENGKAU Telah Jadikan Kami Muslimin -2

24 Ogos 2015

Kalau kamu pergi musafir serata negara dunia nescaya takkan kau dapati dalam soal kemurahan hati dan para budiman ada yang lebih afdhal dari mereka yang memiliki fitrah insaniah (manusiawi).

Agama Islam menyeru kita kepada kemuliaan fitrah insaniah… kita adalah kaum Muslimin dengan sebenar-benar dan sejujur-jujurnya apabila kita menjulang syiar fitrah insaniah.

Dengan fitrah insaniah kita kaum Muslimin adalah para budiman dan memuliakan tetamu… kita bermurah hati kepada semua… kepada seluruh makhluk.

Kita mewarisi keahlian ini… semua orang dari pihak kita mempelajarinya dan mengamalkannya… ia tersebar merata-rata dan diketahui adanya di

semua negeri yang menerima kedatangan Islam dan pemeluknya.

Akan tetapi kaum non muslimin… mereka tidak menyaksikan adanya nuansa budiman dan kemurahan hati… tidak pada kaum keluarga mereka dan tidak pada masyarakat mereka.

Kerna inilah mereka tak tahu menahu tentangnya… mereka tidak mempelajarinya… mereka tidak menyebarkannya… dan mereka tidak mengamalkannya.

Lalu bagaimana kita nak belajar sifat kemurahan hati dari mereka… sedangkan mereka memang tak pernah pun mendengar tentangnya… tak pernah pun.

Point ini untuk difahami… darinya kita dapat memahami banyak dan terlalu banyak perkara mengenai perbezaan berbagai negeri dan manusia hamba Tuhan.

Tikamana kita kaum Muslimin sudah kehilangan fitrah insaniah… kita pun kehilangan sikap murah hati dan memuliakan tetamu.

Kerana ini… dan kerana itulah… kita jadi sama seperti mereka… tiada bezanya antara kita dengan mereka.

Lalu mengapa nak rasa marah atau sempit dada… setelah kita rugi segala-galanya… kalau sudah kufur nak berkira dosa apa lagi.

فَاقِدُ الشَّيءِ لَا يُعطِيكَ

Orang yang tiada suatu benda itu, takkan dapat memberinya kepadamu.



ALLAHumma ROBBANA BagiMU Segala Pujian Kerna ENGKAU Telah Jadikan Kami Muslimin -3

24 Ogos 2015

Orang non muslimin punya hak untuk melakukan apa saja yang mereka mahu… itulah kata mereka tentang hak asasi mereka. Itu bagaimana???... Dan itu kenapa????

Kami setuju… kita tak punya apa-apa masalah dan bantahan… ini bahagian dari fitrah insaniah.

Demikian jugalah halnya bagi kami kaum Muslimin… punya hak sepenuhnya… pada segala yang kami lakukan... dan ini juga bahagian dari fitrah insaniah.

Wajib untuk kita menulis dan bersuara dengan lantang, dengan suara yang dapat didengar dan beradab tentang segala hak asasi milik kita.

Kita tidak benarkan orang non muslimin… kita tidak benarkan golongan fanatik… kita tidak benarkan golongan *khawalif* (pemundur) dan jahil

untuk menjadi *representative* kepada Islam dan para pemeluknya.

Contohnya dalam soal pakaian :

Mereka berhak untuk memakai apa saja yang mereka mahu… baju pendek dan ketat hingga ke tahap tak dapat dibezakan lagi antara lelaki dengan perempuan.

Tak mengapalah dan itu diterima… kita tak boleh nak membantahnya.

Demikian jugalah kaum Muslimin, mereka berhak untuk memakai pakaian yang mereka mahu… serban, jubah dan pakaian mereka.

Kenapa nak takut… mengapa mereka jadikan kita takut untuk mempraktis syiar-syiar Islam kita.

Apa dah jadi????... Kita semua wajib menghentikan permainan yang tak boleh diterima ini... dan wajiblah kita membanggai identiti Islam kita… sepertimana mereka membanggai indentiti mereka yang tidak Islam.



وَأَشْـــرَقَتِ الأَرْضُ بِنُورِ رَبِّـــهَا

Dan Terpancarlah Bumi Dengan Nur Tuhannya -1

3 September 2015

Ayat ini ada dalam surah Az-Zumar, nombor 69... ayat yang padanya banyak kenangan indah bagi seorang murid tika dia bernisbah kepada Tareqat As-Syaziliyyah, mengambil talqin tareqat dengan Wirid Maklum dari hadrat Sidna Syeikh Abdun Nasir.

Oleh kerana kita sekarang di musim haji, saya jadi terkenang banyak muzakarah hadrat Sidna Syeikh di musim-musim haji...

Khususnya tentang takzim -tahukah engkau apa yang Sidna beri takzim kepadamu pada zahir yang hissi dan batin yang maknawi-... khususnya pada surah Al-Hajj yang di dalamnya penuh dengan berbagai sirr, kefahaman, ilmu, makrifat, adab dan dua sujud tilawah.

Contohnya dalam ayat ke 30 surah Al-Hajj… ROBAANA Azza wa Jalla berfirman dan DIAlah yang

Maha Jujur dalam berkata-kata :

ذَلِكَ وَمَن يُعَظِّمْ حُرُمَاتِ اللَّهِ فَهُوَ خَيْرٌ لَّهُ عِندَ رَبِّهِ

"Itulah, dan bagi yang mentakzim segala kehormatan ALLAH maka ia terlebih baik baginya di sisi Tuhannya"

ertinya tidak hanya menegakkan hak pada segala kehormatan itu… bahkan melampaui hingga mentakzim dan terus mentakzim… tika itu dia akan diberi kebenaran untuk masuk ke hadrat ALLAH Jalla Jalaluh.

Satu lagi contoh dari surah AL-Hajj ayat 32… Robbul `Izzah wal Jalal wal Ikrom berfirman dalam kitabNya yang mulia dan agung :

ذَلِكَ وَمَن يُعَظِّمْ شَعَائِرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِن تَقْوَى الْقُلُوبِ

"Demikian itulah, dan bagi yang mentakzim syiar-syiar ALLAH maka sesungguhnya ia dari dalam taqwanya hati"

ertinya mentakzim dan terus mentakzim segala syiar ALLAH… dan antara syiar yang paling agung adalah Saiyidina wa Maulana Nabi صلى الله عليه وسلم serta ahli keluarga Baginda… dan para khalifah Baginda صلى الله عليه وسلم selepasnya di kerajaan zahir yang material, atau kesultanan maknawi yang sedia diketahui dan maklum

disisi para ahlinya.

Takzim adalah perkara hati dan bukan pekerjaan akal… kerana inilah ia memberi kepadamu jenis taqwa yang paling afdhal… taqwa hati.

Allahumma Robbana rezekikanlah kami takzim kepada segala yang Engkau ciptakan.



Si Fakir Kepada ALLAH Yang Maha Kaya -1

12 September 2015

HHari ini 12 September 2015M… bersamaan 28 ZulQaedah 1436H, hari Isnin atau Selasa akan bersamaan dengan 1 ZulHijjah 1436H... waktu itu bermulalah 10 hari yang terbaik sepanjang tahun… sepuluh hari pertama dari bulan ZulHijjah.

Dalam sepuluh hari itu ada hari wukuf di Arafah… kaffarah dosa dua tahun… sepertimana yang telah dikhabarkan kepada kita oleh As-Sodiq Al-Masduq Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم

Hari Arafah -tahukah engkau apa itu Hari Arafah- … Haji adalah Arafah… sepertimana yang telah dikhabarkan kepada kita oleh penghulu alam kewujudan dan penyebab bagi segala yang diadakan Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم.

Selepasnya 3 hari Tasyriq… dan padanya ada berbagai nur, sirr, hadiah dan pemberian.

Allahumma Robbana… ya ALLAH… ALLAHU

Akbar… ALLAHU Akbar… ALLAHU Akbar. ALLAH Maha Besar dan dia lebih mulia, lebih besar dan lebih agung dari segala yang ku takuti dan ku bimbangi.

Ya ALLAH mulialah siapa yang berjiran denganMU, besarlah puji-pujianMU… dan tiada Tuhan selainMU.

Tuliskanlah ya ROBBI… ROBBANA… nama-nama kami sekalian… pada haji tahun ini dan pada tiap tahun

kalau pun tidak secara jasad lahir… tapi muliakanlah kami dapat berhaji dengan roh

demi jaah hamba yang paling mendampingMU, penysafaat kami, kekasih kami Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم وآله وصحبه وسلم تسليما

sesungguhnya ENGKAU Maha Kuasa atas tiap sesuatu… ENGKAUlah yang selayaknya menjawab permintaan… duhai Tuhan bagi segala hamba yang fakir lagi dhaif… ya Robbal `Alamin, ya Arhamar Rohimin

dengan keberkatan ahli sanad kami… Sidna Syeikh Abdun Nasir رضي الله عنه وأرضاه ونفعنا به.

Moga berkepanjangan tuan-tuan sepanjang tahun dalam kebaikan, redho, kabul, kejayaan dan taufik

Allahumma Robbana amin.



Si Fakir Kepada ALLAH Yang Maha Kaya -2

19 September 2015

Telah bersabda Penghulu Alam Kewujudan, lagi Baginda itu sebab bagi segala yang diadakan, Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم

المؤمن مرآة أخيه

"Orang mukmin itu cermin saudaranya"

adapun orang Muslim… siapa cerminnya ????

orang Muhsin pula…. siapa cerminnya ????

Baiklah, kalau kita pergi lebih jauh…orang munafik… orang fasik…. Orang kafir… orang sekular… orang ateis… dan yang lain-lain

Siapa yang mengawasi mereka… memurnikan jiwa mereka… mengadabkan mereka… menghentikan mereka pada batas mereka… menekan mereka…. dan siapa… siapa.

[Hari itu] aku berada di tawan haiwan berbicara….. maka berkatalah Si Burung Hijau (الطائر الأحضر) …. kawanku yang mendengarnya… kemudian dia suruh aku menulisnya :

Di zaman jahiliyyah…. Sebelum Baginda صلى الله عليه وسلم diutuskan... manusia pada waktu itu menghormati bulan-bulan haram (suci)… Dzul Qaedah… Dzul Hijjah… Muharram… Rejab

[Pada bulan-bulan itu] mereka tidak berperang…. tidak menyerang…. tidak menghalau… tidak menghina…. tidak memulaukan…. tidak memaki…. tidak berbohong…. dan tidak menyakiti sesiapa

hatta walau mereka sedang ditengah pergaduhan dan peperangan sekalipun… mereka berhenti kerna menghormati dan mentakzim empat bulan haram (suci) ini.

Walhal mereka adalah para penyembah berhala… mereka tak punya agama yang soheh, jelas dan terang… tapi yang mereka ada ialah berpegang kepada kata dan janji.

Adapun….adapun…. adapun sekarang… apa kita nak kata lagi…. selepas kita sudah beriman, sudah Islam, selepas ALLAH mengutus kepada kita Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم

masing-masing kita …. silakanlah bertanya kepada diri sendiri… betapa jauhnya kita dan amat jauhnya dan

teramat jauhnya kita dari Islam.

Kemudian kita bertanya soalan yang merbahaya dan paling payah….

Apa beza antara saya dengan nonmuslim ???....

Apa dia perubahan saya selaku seorang Muslim, apakah kepada yang lebih baik atau lebih buruk

Mengapa ALLAH redho Islam menjadi agama kita ???

Apa ertinya saya menjadi seorang Muslim….

Tiada siapa menulis atau bercakap…. yang diseru tak bernyawa… kita kehilangan sang penyeru… dia sembunyi.

Mengapa???... kerana kita tak punya cermin… ertinya kita tak punya hati yang hidup.

Maka tak mahukah kita menangisi diri kita…. atau kita menangisi orang lain… atau apa sebenarnya ???????



Si Fakir Kepada ALLAH Yang Maha Kaya -3

20 September 2015

At-Tho'ir Al-Akhdar (Sang Burung Hijau) bicara kepada temanku.... dia suruh aku menulisnya... bolehjadi supaya kita keluar dari keghaflahan :

ALLAH Azza wa Jalla berfirman dalam kitabNya yang mulia.... Al-Quranul Karim

إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ اللَّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ

"Demi sesungguhnya yang ALLAH terima adalah dari mereka yang bertaqwa",

ertinya ahli taqwa.... merekalah ahlil qabul wal iqbal (yang diterima dan menjawab seruan ALLAH)... merekalah ahli ijabah dan istijabah (yang dijawab permintaannya dan ditunaikan).

Banyak kitab telah ditulis mengenai pengertian taqwa dari bicara para junjungan agung رضوان الله عليهم أجمعين

tapi Sang Burung Hijau kata... kau ambillah ia dari dua ayat ini... agar beroleh jaya dan bahagia... kerna ia senang dan dimudahkan...

tentu saja bagi orang yang dimudahkan oleh ALLAH untuknya... Allahumma Robbana jadikanlah kami dari kalangan mereka....

1 - يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُواْ لاَ تُحِلُّواْ شَعَائِرَ اللَّهِ

"Wahai mereka yang beriman, janganlah dileraikan/dilepaskan syiar-syiar ALLAH..."

segala syiar ALLAH... yang tersebut dalam Al-Quran dan Sunnah Nabawiyyah

dan disebut oleh para khalifah yang memberi hidayat dan petunjuk dengan sebutan berterus terang atau kiasan...

itu jangan kau permainkan... jangan dipermudah-mudah... jangan diabaikan... jangan kau berani-berani mengapa-apakannya... jangan kau mentakwilnya... jangan kau engkarinya.... Jangan kau perkecilkan ia... jangan kau tukar ia... jangan kau pesongkan ia.... jangan... jangan

2 - ذَلِكَ وَمَن يُعَظِّمْ شَعَائِرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِن تَقْوَى الْقُلُوبِ

"Demikian itu, dan bagi yang mentakzim syiar-syiar ALLAH maka sesungguhnya ia dari inti hati yang taqwa".

Kenapa kita mentakzim syiar-syiar ALLAH... kerana ia memberi kita segala-galanya... yang paling agung dari pemberian itu adalah wushul (mencapai) hadrat ALLAH Jalla Jalaluh

Inilah dia tuntutan para Ahlillah... ahli zikir... Ahlis Sunnah wal Jamaah umat Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم.



Si Fakir Kepada ALLAH Yang Maha Kaya -4

20 September 2015

TAt-Tho'ir Al-Akhdar (Sang Burung Hijau) bercerita kepada teman saya :…….. Selepas tengah malam aku berada di depan Kaabah Al-Mukarromah Al-Mu`azzomah. Datang sekumpulan jemaah haji lelaki dan perempuan sekitar 100 ke 200 orang dari berbagai pelusuk tanah bumi Robbi…. Jemaah ini bertempat tinggal di sempadan dua buah negara dan mereka bertutur dua bahasa.

Ketua jemaah menyuruh mereka membaca secara bersama-sama dan masing-masing memegang tasbihnya dengan pembahagian bacaan yang teratur untuk mendapatkan bilangan [yang tepat]

Tujuh puluh ribu (70000) kali Surah Al-Ikhlas

dengan niat semoga ALLAH menghabiskan dunia ini… dan menzahirkan Saiyidina Imam Mahdi عليه الصلاة والسلام

kerana penzaliman sudah merebak di seluruh buana

dengan berbagai bentuk secara dekat dan jauh… orang-orang zalim menjadi pihat yang dituruti dan mereka dapat melakukan apa saja yang mereka mahu… tiada yang mencegah mereka… tiada siapa mampu mengalahkan mereka…

hatta Iblis Al-Mal`un lagi syaitan yang direjam itu sendiri berdoa supaya para penzalim dihancurkan sedangkan dialah penzalim yang pertama dan dialah yang merekacipta penzaliman…

…seperti yang disebut dalam Al-Quranul Karim :

وَقَالَ الشَّيْطَانُ لَـمَّا قُضِيَ الأَمْرُ إِنَّ اللّهَ وَعَدَكُمْ وَعْدَ الْحَقِّ
وَوَعَدتُّكُمْ فَأَخْلَفْتُكُمْ

“Dan berkatalah pula syaitan setelah selesai perkara itu: “Sesungguhnya ALLAH telah menjanjikan kamu dengan janji yang benar dan aku telah menjanjikan kamu lalu aku mungkiri janjiku itu kepada kamu;

وَمَا كَانَ لِيَ عَلَيْكُم مِّن سُلْطَانٍ إِلاَّ أَن دَعَوْتُكُمْ فَاسْتَجَبْتُمْ لِي

dan tiadalah bagiku sebarang alasan dan kuasa mempengaruhi kamu selain daripada aku telah mengajak kamu lalu kamu terburu-buru menurut ajakanku itu;

فَلاَ تَلُومُونِي وَلُومُواْ أَنفُسَكُم مَّا أَنَاْ بِمُصْرِخِكُمْ وَمَا أَنتُمْ بِمُصْرِخِيَّ

maka janganlah kamu salahkan daku tetapi salahkan diri kamu sendiri. Aku tidak dapat menyelamatkan kamu dan kamu juga tidak dapat menyelamatkan daku.

إِنِّي كَفَرْتُ بِمَا أَشْرَكْتُمُونِ مِن قَبْلُ

Sesungguhnya dari dahulu lagi aku telah kufur ingkarkan (perintah Tuhan) yang kamu sekutukan daku denganNya".

إِنَّ الظَّالِمِينَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Sesungguhnya mereka yang zalim (yang meletakkan sesuatu pada bukan tempatnya) beroleh azab yang tidak terperi sakitnya.



Dunia Kita Berubah... Akhirat Kekal Tak Goyah -1

26 Oktober 2015

Segala-galanya berubah… bahkan manusia pun berubah pada segala aspeknya

pada kefahaman… pada idea… pada pandangan… pada perbuatan dan tindak balas… pada segala-galanya.

Hari ini saya akan bercakap mengenai kota Madinah Al-Munawwarah… Madinah Al-Musyarrafah… kota Thaybah At-Thayyibah.

Di zaman dahulu ketika kami masih kanak-kanak waktu 40 tahun yang lampau

tika kami memasuki kota Madinah Al-Munawwarah… saat sampai di pinggirannya

dapat kami lihat dengan jelas cahaya Masjid Nabawi yang berseri-seri dan jiwa kami tergugah dengan pemandangan itu

Apabila memandang kepada Jabal Uhud jiwa kami tergugah dek pesonanya… Jabal yang kami cintai dan

ia mencintai kami.

Kami melihat dan melewati lembah yang penuh keberkatan… Wadi Al-`Aqiq… sambil berdoa yang kadang-kadang dengan tangis air mata.

Kami melihat jabal `Eir…bongkah gunung hitam yang mengerikan itu…. Asal muasalnya dari banjaran neraka… takut dan tak mahu kami memandangnya… kerana kami tak mahu neraka jahannam

Yang kami mahu adalah Saiyidina wa Maulana Muhammad صل الله عليه وسلم وجميع الاحبة رضوان الله عليهم أجمعين.

Tapi sekarang segalanya sudah berubah…

kalau tuan masuk ke kota Madinah Al-Munawwarah… yang akan tuan lihat hanyalah jalan raya bersimpang siur dan bangunan-bangunan tinggi menjulang

ini sudah tentunya memberi kesan kepada kita dan generasi kita tanpa kita sedari

ia telah merompak perasaan rohani dan rahmani dari jiwa raga kita…

…nantilah kita sambung lagi bicara ini.



Kehidupan Ini Sebenarnya...

29 September 2015

"Kita takkan datang mengadap ALLAH secara berjemaah, kita sama sekali takkan bertemu denganNYA secara beramai-ramai… sesungguhnya masing-masing kita akan mendatangiNYA di Hari Kiamat nanti secara peribadi… Tak ada siapa pun boleh menanggungkan dosa peribadinya kepada orang lain, atau kepada keluarganya, atau masyarakatnya atau persekitarannya…

[Kehidupan] ini sebenarnya kertas peperiksaan buat menzahirkan apa yang disembunyi oleh insan dalam dirinya".

– *Dr. Mustafa Mahmoud*



Namanya Hati Kecil

30 September 2015

"Kita tak perlu kepada Kuliah Syariah untuk membezakan yang mana salah yang mana betul, yang mana hak yang mana batil, yang mana halal yang mana haram… Sesungguhnya ALLAH telah meletak dalam hati kita semua Kuliah Syariah… dan penimbang yang tak tersalah.

Yang dituntut kepada kita untuk melakukannya ialah… membersih jiwa kita dari selaput material dan syahwat yang tebal lalu dengan itu kita dapat melihat dengan hati dan mata kepala, dapat mengenal dan membezakan tanpa perlu kepada kosmetik "kajian sosiologi"… itu akan terjadi dengan adanya cahaya ALLAH dalam diri kita… cahaya itu bernama hati kecil".

– Dr. Mustafa Mahmoud



Biar Ku Sayangi Semua...

1 Oktober 2015

"Jangan kau beritahu padaku tentang orang yang membenciku atau mengata-ngata aku…

Biarkanlah keadaan diriku menyayangi semua orang dan menyangka bahawa semua orang menyayangiku…"

– Sasterawan Naguib Mahfouz



Petanda Awliya ALLAH

31 Oktober 2015

Sidi Maaruf Al-Kharkhiy -moga ALLAH meredhoinya- berkata :

"Petanda awliya itu tiga perkara :

1- Dukacita mereka adalah yang bersangkut paut dengan ALLAH

2- Perkerjaan mereka adalah tentangNYA

3- Lari mereka kepadaNYA".



Engkau & Duniamu

2 Oktober 2015

Kalau harta benda dan bebanan bumimu kau tak buang lebih dahulu, bagaimana dapat kau naik menembus petala langit? Kemudian dari itu nafsu haiwanmu juga harus kau buang dari hal dirimu... ghurur, keakuan, syahwat dan ketamakkanmu juga mesti kau lempar... dirimu harus kau cabut dari seruan-seruan manusiawimu... untuk kau kembali sepertimana asal muasalnya engkau diciptakan ALLAH dari cahayaNYA.

Tika itu memang benarlah engkau telah mencapai kemerdehekaan... rupa dirimu jadi setara dengan para abrar, syuhada, orang-orang suci dan para malaikat... engkau dapat mendengar bicara mereka dan mereka mendengarkan suara mereka padamu, engkau dapat berkata-kata kepada mereka dan mereka berbual-bual denganmu.

Itulah mikraj yang memerlukan masa seumur hidup, perlu kepada perbekalan taqwa, mahabbah, taat, sabar menanggung bala ujian dan ini tak sanggup dilakukan melainkan oleh sedikit orang.

Kerana inilah syurga diciptakan.

Dan kerana ini jugalah kebanyakan orang sudah bergelimpangan dalam neraka sedari sekarang".

– *nukilan kitab Tasawuf*



Dunia Kita Berubah...
Akhirat Kekal Tak Goyah -2

13 November 2015

PPada satu hari… aku dalam penziarahanku ke hadrat Sidna Syeikh Abdun Nasir… tika itu Sidna -moga ALLAH meredhoinya dan mencapaikan keredhoan buatnya- sedang muzakarah kepada kami … satu muzakarah yang ajaib, mengkagumkan… menyegarkan roh… menghidupkan hati.

Isi dari muzakarah itu banyak yang sudah aku lupa… inilah masalah, kedhaifan dan kelemahan peribadiku

tapi ku ingat darinya dua ayat ini dari Surah At-Taubah :

مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَن يَعْمُرُواْ مَسَاجِدَ اللَّهِ شَاهِدِينَ عَلَى
أَنفُسِهِمْ بِالْكُفْرِ أُوْلَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ وَفِي النَّارِ هُمْ خَالِدُونَ

17. Tidaklah layak orang-orang kafir musyrik itu memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid

ALLAH, sedang mereka menjadi saksi akan kekufuran diri mereka sendiri. Mereka itu orang-orang yang gugur (binasa) amal-amalnya dan mereka pula kekal di dalam neraka.

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلاَّ اللَّهَ فَعَسَى أُوْلَئِكَ أَن يَكُونُواْ مِنَ الْمُهْتَدِينَ

18. Hanyasanya yang layak memakmurkan masjid-masjid ALLAH itu ialah mereka yang beriman kepada ALLAH dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada ALLAH, maka (dengan itu) adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

Sidna Syeikh رضي الله عنه وأرضاه ونفعنا به pun mengujar :

Kumpulan pertama mewakili ayat 17... adalah golongan manusia yang tak punya hubungan dengan umat Saiyidina wa Maulana Nabi صلى الله عليه وسلم ... secara khususnya mereka ini adalah golongan Khawalif -sepertimana Robbuna menamakan mereka dalam Al-Quran-... tentunya mereka punya berbagai nama dan gelar mengikut tempat dan masa... bak kata pepatah :

كل أناء بما فيه ينضح ....

"Tiap bejana memercikkan apa yang menjadi isinya"

وما كان فيك (في قلبك) يظهر على فيك (لسانك ...)

"Apa yang ada dalam hatimu akan terzahir di lidahmu".

Kaum Khawalif itu tidak ada bicara lain dari bercakap tentang syirik kecil, syirik besar dan kufur di mana saja mereka berada di muka bumi yang luas dan indah ini... semata-mata itu sajalah yang mereka tahu.

[Dengan itu] mereka merosak akal semua orang... meruntuh hati semua orang... mereka tersebar luas, merebak bagai wabak penyakit.

Inilah dia ciri-ciri mereka... sama ada mereta tahu atau tidak tahu.

Kebanyakan kaum Muslimin dan yang mengaku Muslimin di dunia menyebelahi golongan ini... malang sungguh...

tak tahulah kalau mereka sedar perkara ini atau tidak.

Yang anehnya pada tahun-tahun lampau kuantiti mereka besar dan peratusan mereka tinggi... tapi sekarang bilangan mereka berkurangan secara

mendadak... orang ramai pun makin tak percaya kepada mereka... Alhamdulillah.

Mereka bertopengkan slogan membendung gejala syirik dan kufur... kerana kaum Muslimin di seluruh dunia amat sayangkan agama Islam... kaum Muslimin punya semangat yang menyala-nyala menyokong ahli Islam.

Kumpulan kedua mewakili ayat 18... kumpulan ini khas hanya umat Saiyidina wa Maulana Nabi صلى الله عليه وسلم... khususnya golongan ahli zikir kalangan junjungan sufiyyah dan tiap yang menjadi murid atau murad kepada ALLAH Azza wa Jalla

Kumpulan kedua inilah yang mempunyai ciri-ciri Al-Ummah Al-Muhammadiyyah... merekalah zawiyah-zawiyah sufi yang sunni, yang soheh dan jelas.

Kesimpulan :

Apabila kumpulan pertama menyerang kumpulan kedua; hukumnya halal dan kumpulan pertama tidak boleh dibantah... ini pendirian yang tertolak dan tak boleh diterima.

Haram hukumnya ... tak boleh begitu... mengapa kita tak menyatukan umat... [itulah kata orang] apabila kumpulan kedua bangun mempertahankan diri... kita harus berhenti dari bersikap begini.

Malangnya inilah hal kaum Muslimin dan yang

mengaku Muslimin di mana saja. Oleh kerna ini dan itulah wajib keatas Al-Ummah Al-Muhammadiyyah mempertahankan Al-Ummah Al-Muhammadiyyah.

Paling minimalnya dengan tidak menerima perkataan kumpulan pertama… dan tak memperdulikan fatwa-fatwa yang berasal dari mereka.



Dunia Kita Berubah... Akhirat Kekal Tak Goyah -3

13 November 2015

Di sini saya bicara tentang alam hissi (material)… bukan tentang alam maknawi. Beberapa hari sudah saya menonton satu rancangan tv BBC edisi Arab.

Rancangan itu melaporkan bahawa White House telah melancarkan laman facebook khas untuk Presiden Barrack. Baru beberapa jam dibuka… fbnya telah menarik 45 juta like dan share.

Angkanya besar… besar sangat… namun itu juga tidak mustahil. Dan boleh jadi juga ada game tertentu yang membolehkan pihak tertentu memaparkan apa saja angka yang mereka mahu.

Tapi yang saya maksudkan di sini ialah makna pertama tadi… angkanya besar… besar sangat.

Kalau nak dibuat perbandingan; katalah sekarang wali ghaust zaman ini… atau ketua dari segala wali quthb… membuka laman facebook

berapa kira-kira jumlah like yang bakal diterima… maksud saya di alam hissi

Awak akan terkesima… terencat… lebih baik kita tak tahu.

Dari sini kita dapat menarik kesimpulan yang penting… bolehjadi 99% warga zaman sekarang… warga material

Dan boleh jadi hanya 1% dari akhir zaman [ini]… ahli maknawi

Kiamat sudah dekat… dekat sangat… sangat dekat.

ALLAH jua yang lebih mengetahu.



Dunia Kita Berubah... Akhirat Kekal Tak Goyah -4

14 November 2015

Empat puluh tahun lalu di Masjid Haram Nabawi As-Syarif, di Madinah Al-Munawwarah [kebiasaan] orang berziarah itu membawa bersama ahli keluarga, orang rumah dan anak-anak.

Dahulu sikap takzim dan penghormatan nyata zahirnya pada semua orang

alamat kabul dan makbul pun nampak pada seri wajah semua orang yang berziarah.

Tiap bayi [yang baru lahir] dibenarkan untuk masuk ke dalam Hujrah Nabawiyyah yang mulia

supaya jasad si bayi lelaki atau perempuan itu dapat melekap… dengan tempat nan suci lagi mensucikan itu.

Sebab inilah dapat dilihat pada peribadi warga Madinah Al-Munawwaroh sirr yang tampak nyata hatta orang buta pun dapat melihatnya.

Masa lalu yang indah… mahabbah rata pada semua ahli Madinah Al-Munawwaroh

tidak ada sikap asobiyyah… tidak ada perkauman… tidak ada sekte itu ini… tidak ada taksub mazhab… tidak ada perangai kurang ajar dan kurang sopan.

[Dahulu di Madinah] semua orang bersaudara… tiap keluarga ada orang tua yang dihormati dan ditakzimi dan kepadanya penyelesaian masalah dan keputusan.

Masa dulu nan indah…si fakir miskin yang sudah dapat perbelanjaan seharinya… sama sekali takkan mengambil lebih dari itu… dia akan berkata : Saya sudah ada kecukupan saya untuk hari ini.

Masa lalu yang indah… semua kedai akan membuka pintunya mula selepas fajar… penjual yang sudah *istiftah* (dapat jualan pertama)… akan berkata kepada pelanggan kedua … saya sudah istiftah… silakanlah awak pergi membeli kepada jiran saya… supaya dia dapat istiftah juga… kerana berkat itu pada jualan pertama.

Masya ALLAH… indahnya masa nan lalu.



Dunia Kita Berubah... Akhirat Kekal Tak Goyah -5

14 November 2015

Enam ayat dari Surah Al-Mujadalah… padanya ada untaian jawaban yang jelas untuk segala persoalan dan problematika.

Saya di sini bercakap tentang kaum Muslimin dan mereka yang mengaku Muslimin

dan titik yang nak saya fokus dengan serius ialah…

tanda bahawa syaitan telah menguasai mereka dari segenap arah… sebabnya mereka tidak zikir mengingat ALLAH.

Maka oleh itu ahli zikir… syaitan jauh dari mereka… dan tak boleh mendekati mereka… bahkan syaitan lari dari mereka… kerana ALLAH bersama mereka dan ALLAH pada mereka, ALLAH memandang mereka dan ALLAH menilik mereka… ALLAH menjaga dan mengawal mereka. ALLAH mendampingkan mereka.

Adapun lain dari ahli zikir… wal`iyadzu billah… kerana meninggalkan zikir umum… dan kerana faktor mereka menghina-hina ahli zikir khas… jadilah mereka keluarga syaitan… bahkan mereka menjadi timbalan-timbalan syaitan… dengan itu mereka kerugian segala-galanya… bahkan mereka telah rugi kemanusiaan diri dan insaniyyah mereka.

Bahkan adal orang solihin berkata… di peringkat awalnya mereka belajar dari syaitan… sekarang mereka pula yang mengajar syaitan yang direjam.

Dengan penuh santun silakanlah tuan mentadabbur ayat-ayat dibawah dengan otak yang cerdas… akal yang waras… memori yang hadir… nescaya tuan akan melihat keajaiban yang amat sangat.

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ تَوَلَّوْا قَوْمًا غَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِم مَّا هُم مِّنكُمْ وَلَا مِنْهُمْ وَيَحْلِفُونَ عَلَى الْكَذِبِ وَهُمْ يَعْلَمُونَ

14. Tidakkah kau lihat (bagaimana jahatnya) mereka yang bersahabat karib dengan kaum yang ALLAH murkai? Mereka itu bukanlah dari golonganmu dan bukan pula dari golongan kaum yang tersebut itu (kerana mereka ialah golongan munafik); dan lagi mereka selalu bersumpah dengan dusta, sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdusta).

أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا إِنَّهُمْ سَاء مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

15. ALLAH telah menyediakan bagi mereka azab seksa yang berat; Sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka telah lakukan.

اتَّخَذُوا أَيْمَانَهُمْ جُنَّةً فَصَدُّوا عَن سَبِيلِ اللَّهِ فَلَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ

16. Mereka menjadikan sumpahnya sebagai perisai (untuk keselamatn diri dan harta benda mereka), maka dengan yang demikian dapatlah mereka menghalang (dirinya dan orang lain) dari jalan ALLAH; oleh itu mereka beroleh azab seksa yang menghina.

لَن تُغْنِيَ عَنْهُمْ أَمْوَالُهُمْ وَلا أَوْلادُهُم مِّنَ اللَّهِ شَيْئًا أُوْلَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

17. Harta benda dan anak pinak mereka tidak sekali-kali akan dapat memberikan sebarang pertolongan kepada mereka dari hukuman ALLAH. Merekalah ahli neraka, mereka tetap kekal di dalamnya.

يَوْمَ يَبْعَثُهُمُ اللَّهُ جَمِيعًا فَيَحْلِفُونَ لَهُ كَمَا يَحْلِفُونَ لَكُمْ وَيَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ عَلَى شَيْءٍ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْكَاذِبُونَ

18. Di hari mereka semuanya dibangkitkan oleh ALLAH (pada hari kiamat), maka mereka bersumpah kepadaNya (bahawa mereka adalah orang-orang mukmin) sebagaimana biasanya mereka bersumpah kepada kamu; dan mereka menyangka bahawa (dengan berbuat demikian) mereka akan mendapat sesuatu (yang berfaedah kepada mereka). Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya merekalah golongan pendusta.

اسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ فَأَنسَاهُمْ ذِكْرَ اللَّهِ أُوْلَئِكَ حِزْبُ الشَّيْطَانِ أَلا إِنَّ حِزْبَ الشَّيْطَانِ هُمُ الْخَاسِرُونَ

19. Syaitan telah menguasai dan mempengaruhi mereka, sehingga menyebabkan mereka lupa zikir mengingat ALLAH; mereka itulah partai syaitan. Ketahuilah! Bahawa partai syaitan itu sebenarnya orang-orang yang rugi.



Dunia Kita Berubah...
Akhirat Kekal Tak Goyah -6

17 November 2015

TTelah ku dengar dari Sidna Syeikh Abdun Nasir :
1- Jika umum masyarakat sudah rosak… nescaya akan zahirlah berbagai fitnah pancaroba… inflasi berlaku.

2- Jika golongan khas sudah rosak… nescaya akan zahirlah para pembohong… dan dajal-dajal.

3- Jika pihak pemerintah sudah rosak… kezaliman akan merata.

ربنا اكشف عنا العذاب انا مؤمنون

Wahai Tuhan kami! Singkapkanlah azab dari kami, kerna sesungguhnya kami orang beriman!.



Dunia Kita Berubah... Akhirat Kekal Tak Goyah -7

17 November 2015

Perkenalanku dengan tuan yang terutama Sidi Professor Dr. Manee' Ibnu Syeikhul Islam Sidna Al-Imam Abdul Halim Mahmoud -moga ALLAH meredhoi kedua mereka- telah terjalin melalui saudara dan temanku pada waktu itu yang berbahagia Professor Dr. Sa'duddin Al-Hilali yang berasal dari kota Mansurah -semoga ALLAH memberkati hidupnya, semoga ALLAH menyertakannya bersama ahli zikir dan golongan zakirin-.

Kedua orang professor ini dahulunya mengajar di Kolej Perempuan di kota Dammam.

Hubunganku dengan Sidi Syeikh Manee' berterusan hinggalah detik-detik terakhir hidupnya di sebuah hospital di Cairo dan meninggalnya itu ditangani oleh Sidna Syeikh Abdun Nasir رضي الله عنه وأرضاه.

Professor Dr. Manee' pernah mengajar di Sudan, kemudian di Yaman dan seterusnya di Arab Saudi di

kota Dammam. Beliau telah menjawat kerusi dekan fakuliti usuluddin [Universiti Al-Azhar] selama dua penggal berturut-turut… dia pernah menjadi antara calon terkuat untuk menjadi mufti Mesir… dia akhirnya pergi mengadap Tuhan… setahun lebih selepas pemergiannya isterinya yang mulia Hajjah Malak pun menyusul.

Dia ditakdirkan tidak punya zuriat… tiada anak lelaki mahupun perempuan.

Selalu aku katakan padanya : "Saya ini anak tuan" kerana beza umur antara kami berdua lebih kurang 20 tahun dan beliau yang lebih tua… tapi sentiasalah kata-kataku itu dibalasnya dengan satu jawaban : "Kamu saudaraku dunia akhirat… kamu ini anak Sidna As-Syazili di zaman ini yaitu Sidna Abdun Nasir".

Setiap kali berada di Cairo aku akan selalu pergi menziarah dia di rumahnya di kota itu… bangunan nombor 54 Jalan Al-Aziz Billah … apartment nombor 16.

Biasanya aku akan sampai ke rumahnya lepas solat zohor… kami akan duduk berbual-bual hinggalah solat subuh keesokannya.

Banyak yang telah ku pelajari darinya… banyak khabar berita yang telah disampaikannya kepadaku, khususnya tentang para masyaikh zamannya dan zaman ayahndanya… dan khususnya ehwal

ayahndanya yaitu sang guru murobbi yang beradab lagi mengadabkan Sidna Al-Imam Al-Akbar Syeikhkul Islam wal Muslimin Abdul Halim Mahmoud As-Syazili Al-Husaini… ayahndanya itu bergelar Imam Ghazali di zamannya… dan telah mencapai maqam as-siddiqiyyah.

Sidi Syeikh Manee' pernah menceritakan kepadaku bahawa ayahndanya telah mengizinkannya untuk memegang jawatan irsyad (menjadi mursyid tareqat)… dan meletak namanya dalam senarai sanad As-Sadah As-Syaziliyyah

sebagai mengambil keberkatan… dengan itu dirinya beroleh kemuliaan besar… dengan bernisbah kepada Sanad Tareqat As-Syaziliyyah.

Akan tetapi si ayahnda berkata kepadanya :

"Wahai anakku… kalau perkara ini dalam tanganku -tapi tentunya di tangan ALLAH- nescaya aku takkan benarkan seorang pun dari keluargaku menjadi syeikh tareqat… cukuplah satu orang menjadi syeikh yaitu si miskin Abdul Halim ini.

Wahi anakku… kalaulah orang tahu apa ertinya seorang syeikh itu menjadi syeikh tareqat…. Nescaya mereka semua akan lari dari jawatan syeikh

Tapi ALLAH jualah yang memilih siapa yang dikehendakiNya… dipilihNya dengan taklif (bebanan) dan tasyrif (kemuliaan).

Fahamilah wahai anakku… nescaya kau akan beruntung… wassalam".



Dunia Kita Berubah... Akhirat Kekal Tak Goyah -8

17 November 2015

Antara hal yang paling indah pernah aku saksikan pada Sidi Syeikh Manee' ialah… beliau tahu banyak mengenai ehwal para masyaikh… tapi tak pernah mengumpat siapa pun di kalangan masyaikh itu… sedangkan beliau memang kenal betul bahawa [si polan] itu mengaku-ngaku diri sebagai syeikh dan nisbahnya sebagai syeikh tidak soheh.

[Akan tetapi] sikap Sidi Syeikh Manee' ialah mentakzim siapa saja kawannya… dan juga orang lain.

Waktu beliau menjadi dekan fakuliti usuluddin aku menzarahinya di pejabatnya… jawatannya itu bererti beliau merupakan orang nombor tiga selepas Syeikhul Azhar dan Rektor Universiti Al-Azhar waktu itu.

Beliau suka agar ketua-ketua bahagian [dibawahnya] menggunakan bidang kuasa masing-

masing, beliau suka menyerahkan tiap pekerjaan kepada ketua bahagian dan membuat mereka semua berkerja… kata beliau padaku tiap orang wajib melaksanakan pekerjaannya… dengan itu pejabat beliau sentiasa kelihatan bersih dari tompokan dokumen dan pelbagai urusan pejabat [yang tertangguh].

Bila aku datang berziarah beliau akan duduk di sebelahku dan kami pun berbual-bual… apabila datang suatu urusan beliau akan berpindah ke mejanya… dengan cepat dokumen yang datang dibacanya lalu dengan segera pula dihantar kepada ketua bahagian yang berkenaan… beliau tak pernah menangguh kerja hari ini ke hari esok.

Itu telah aku saksikan pada beliau berkali-kali… wartawan dari suratkhabar, majalah, tv dan radio datang untuk menemuramah beliau… maka jawab beliau hanya satu :

"Kalau awak mahu… saya hanya akan bercakap tentang almarhum syeikh saya, tuan saya dan ayahnda saya yaitu Al-Imam Abdul Halim Mahmoud… jika lain dari topik ini… silalah awak pergi kepada orang lain".

Ketika sudah hampir meninggal dunia orang menyediakan tempat untuk pusaranya bersebelahan dengan almarhum ayahndanya… tapi kata beliau : "Siapalah aku untuk dikebumikan bersebelahan

ayahndaku?!… ini takkan berlaku… bawa jasadku dan kebumikan aku di sebelah arwah kakakku".

Beliau banyak bermimpi bertemu Sidnan Nabi… kalau dapat mimpi Sidnan Nabi beliau akan jadi amat gembira… gembiranya hingga ketahap semua yang beliau ada pada hari mimpinya itu akan diberi kepada orang lain.

Apabila sudah pulang ke Qaherah selepas bertahun-tahun mengajar di luar Mesir… hampir setiap minggu, atau tiap dua minggu sekali, atau setiap bulan sekali pasti beliau akan pergi dari Qaherah ke Humaytsara untuk berziarah makam Sidna Abul hasan As-Syazili رضي الله عنه وأرضاه ونفعنا به… kurang lebih perjalanan 1000 km pergi dan 1000 km balik pada cuti hujung minggu… beliau pergi dan pulang pada hari yang sama.

Itulah yang beliau lakukan hinggalah tubuhnya sakit-sakit dan lemah apabila umur sudah tua… lalu penziarahan itu pun dikurangkannya.

Beliau mengujar : "Dulu aku berziarah mereka waktu aku muda… aku harap mereka sudi berziarah kepadaku bila aku dah lemah dan sakit".

Beliau pergi mengadap Tuhan ketika umurnya lebih kurang 64 tahun… ayahnda beliau meninggal dalam umur sekitar 68 tahun. Moga ALLAH meredhoi kedua mereka dan mencapaikan keredhoan buat kedua-duanya dan semoga ALLAH mengurnia kita

manfaat mereka berdua.



وَاللهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Dan ALLAH Telah Menciptakanmu Serta Apa Yang Kamu Lakukan -1

21 November 2015

Ayat suci ini (96) ada pada Surah As-Soffat dalam Al-Quranul Majid; kitab suci yang agung dan ajaib.

Makna ayat ini secara ringkasnya ialah …. ALLAH Robbuna telah menciptakan kita… Dia juga telah menciptakan segala-galanya pada kita… baik perkataan, perbuatan, gerak diam, ehwal dan amalan yang zahir dan yang batin… juga segala yang telah berlaku, sedang berlaku dan yang akan berlaku.

Jika kita faham hakikat ini … nescaya kita tahu dan kita tawajjuh (menghadap) hanya kepada ALLAH Subhanahu wa Taala pada tiap suatu … dan dengan tiap sesuatu

Ini tidak hanya dengan kata-kata…. tidak… tidak

bahkan dengan perbuatan… dengan ehwal… dengan zahir dan batin kita.

Kalau demikianlah kita nescaya Robbana akan memberi apa yang kita mahu dari pertolongan dan keteguhan… dan segala-galanya.

Soalan yang sebenarnya adalah …. Kita ini tahukah apa yang memberi manfaat dan apa yang memudaratkan kita… atau apakah yang tahu itu ALLAH yang Maha Esa lagi Maha Perkasa

Jadi mengapa kita nak buat apa yang kita mahu… kenapa kita tak nak buat apa yang ALLAH mahu.

Bicara ini ada sambungannya… semoga ALLAH melakukan segala yang baik kepada kami dan tuan-puan sekalian.



وَاللهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Dan ALLAH Telah Menciptakanmu Serta Apa Yang Kamu Lakukan -2

22 November 2015

Apakah "Islam Adalah Solusi"... seperti yang diserukan oleh sesetengah pihak
atau [yang sebenarnya] ALLAH adalah solusi.

Apakah yang kita mahu adalah ALLAH Tuhan Maha Pencipta Maha Pentadbir Maha Besar

atau yang kita mahu adalah Islam.

Malangnya kebanyakan manusia yang Muslim dan nonmuslim... tak tahu apa bezanya... kecuali bagi mereka yang dirahmati ALLAH dan mereka ini sedikit di zaman sekarang.

Bezanya besar... besar... amat besar... bezanya seperti langit dengan bumi.

ALLAH tuntutan kita... ALLAH tujuan kita... ALLAH cita-cita kita... ALLAH wasilah kita... ALLAH adalah cinta kita yang Akbar dan besar.

Tapi kalau Islam… Islam yang mana satu awak mahu… saya mahu … dan orang lain mahu

Islam… yang macam di negara-negara besar zaman sekarang… Islam yang macam mereka sangkakan

atau Islam yang macam… di negara-negara Islam

atau Islam yang macam … di negara-negara Arab

atau Islam yang macam… di negara ini… dan di negara itu

atau Islam yang macam… di kumpulan ini, atau di jemaah itu, atau di parti sekian, atau yang pada ustaz polan, atau yang pada syeikh begian.

Tuan puan sekalian ini perkara serius… semua kita dah terjerumus ke dalam perangkap dan parit besar ini… melainkan mereka yang dirahmati dan diselamatkan ALLAH dan mereka itu lebih sedikit dari yang sedikit di zaman sekarang.

Junjungan penghulu kewujudan dan penyebab bagi segala yang diadakan صلى الله عليه وسلم telah bersabda … dalam hadis :

Umatku akan berpecah belah… umatku …umatku… sila fokus kalimat umatku

kepada 73 firkah… semuanya masuk neraka… neraka… neraka…. Sila fokus kalimat neraka

melainkan satu… satu… satu… sila fokus kalimat satu.

Nas hadis ini ada sambungannya yang agung dan besar seperti yang dituturkan oleh lidah Kekasih Teragung lagi Penghulu Termulia صلى الله عليه وسلم

Baki 72 firkah… atau parti… atau kerajaan… atau kumpulan… atau pemikiran… semuanya salah dan masuk neraka… pernyataan yang begitu gagah dan besar… keputusan yang muktamad lagi putus dan berkerat rotan berpatah arang.

Apa syarat-syarat firkah yang selamat… dan golongan yang berjaya di zaman sekarang ????

Fikir dan tafakkurlah… istikharah dan mesyuaratlah… dan engkau takkan dapat jawabannya

melainkan dengan berlepas diri dari daya upayamu lalu berserah kepada daya upaya ALLAH… semoga ALLAH memberi kita petunjuk, semoga Dia membela dan menaungi kita.

Ya ALLAH… dengan rahmatMu kami minta tolong dan bermohon… pada budiMu yang amat luas kami menghina diri dan berharap.

Tuan-puan yang dikasihi, sudahkah mesej ini sampai ke akal… sudahkan fikiran ini masuk ke hati

Perkara ini lebih serius dari sekadar melintas di benak pemikiran, akal, hati, mata dan pendengaran kita.



وَاللّٰهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Dan ALLAH Telah Menciptakanmu Serta Apa Yang Kamu Lakukan -3

22 November 2015

Malangnya sekarang keadaan kita sudah jadi seperti yang difirmankan oleh Tuhan kita dalam Al-Quranul karim, Surah Al-Mukminun ayat 53 dan Surah Ar-Rum ayat 32 :

كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ

"...tiap golongan bergembira dengan apa yang ada pada mereka" [tak mengiktiraf pihak lain]

Tiap personel... tiap syeikh... tiap ustaz... tiap insan... tiap doktor... tiap pemikir... tiap engineer... tiap manager... masing-masing orang

yang pertama dia dia taksub kepada dirinya sendiri... kepada ideanya... kepada pendapatnya... kepada akalnya

sesudah itu dia taksub kepada rujukan bangsa dan

kabilahnya… atau partinya… atau agamanya… atau politiknya… atau kumpulannya… atau ideologinya… atau negerinya

atau taksub kepada apa yang dilihat oleh mata dan didengar oleh telinganya… tolak tepi soal apakah ia betul … atau apakah ia yang hak

kemudian dia taksub kepada syaitannya… dan kepada qarinnya…

Kerana ini… dan kerana itulah… kita melihat keadaan yang ajaib dan mendengar yang ajaib-ajaib… dan kita tak punya orang tua tempat kita merujuk

masing-masing kita menyangka… dan percaya… bahawa dirinyalah yang betul… dan dirinyalah orang tua [tempat rujuk itu].

Dari sudut yang lain pula

tidak kelihatan adanya perkongsian atau kerjasama atau kolaborasi antara tareqat-tareqat sufi Islam yang sunni… atau sesama mereka yang bercakap atas nama tareqat-tareqat itu, atau sesama para masyaikhnya atau sesama para muqaddamnya… di zaman sekarang … zaman yang sudah akhir zaman.

Adalah amat penting untuk kita memandang dengan kacamata zaman sekarang… dengan keperluan zaman sekarang… dan bukan dengan apa yang kita perlu.

Sekarang kita sudah tak melihat yang hak... sedangkan yang hak itu lebih berhak untuk diikuti.

Renungilah ayat ini dalam kitab ROBBANA … wahai mereka yang berakal waras :

قُلْ هَلْ مِن شُرَكَائِكُم مَّن يَهْدِي إِلَى الْحَقِّ قُلِ اللَّهُ يَهْدِي لِلْحَقِّ أَفَمَن يَهْدِي إِلَى الْحَقِّ أَحَقُّ أَن يُتَّبَعَ أَمَّن لاَّ يَهِدِّي إِلاَّ أَن يُهْدَى فَمَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ

"Katakanlah (wahai Muhammad) : Adakah dari kalangan rakan-rakan kongsimu itu ada yang dapat memberi petunjuk kepada kebenaran? Katakanlah : ALLAH jua yang dapat memberi petunjuk kepada kebenaran. Apakah yang memberi petunjuk kepada kebenaran itu lebih berhak untuk diikuti atau yang tidak memberi petunjuk?! Lalau bagaimanakah kalian ini?! Bagaimana kalian menetapkan hukum?!"

Sebaliknya dapat dilihat pada pihak-pihak lain dari timur dan barat… dari utara dan selatan

Mereka menggesa dan mendokong [etika] kesatuan, kerjasama, kolaborasi dan yang seumpamanya… demi meletakkan kepentingan umum diatas kepentingan peribadi mereka.

Lalu tak mahukah kita melakukan seperti itu wahai ummat Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم

Iyalah memang ini satu kerja yang sukar… amat sukar dilakukan… tapi sepertimana yang telah disabdakan oleh Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم … dalam hadis :

الله في عون العبد … ما دام العبد في عون اخيه

"Tetaplah ALLAH menolong seorang hamba itu… selagi si hamba menolong saudaranya".



وَاللّٰهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Dan ALLAH Telah Menciptakanmu Serta Apa Yang Kamu Lakukan -4

22 November 2015

Ada seorang pemimpin penentang Islam rekaan mereka... [sebenarnya penentangannya itu] bukan terhadap Islam yang diturunkan oleh Robbana kepada hati Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah yang tinggi hadratnya lagi Baginda itu penunai segala hajat

صلى الله عليه وسلم

Dia dinaikkan menjadi pemimpin... sedangkan pemimpin takkan bercakap sepertinya... kerana ucapannya itu bertolak belakang dengan kemanusiaan, keadilan, persaudaraan dan kesamarataan.

Inilah dia media massa .... yang diketuai oleh Iblis terkutuk lagi dikutuk setiap masa dan di mana saja.

Apa kata pemimpin ini;

Namanya Martin Konvička, dalam beberapa kenyataannya dia menyeru supaya orang-orang Islam

di Eropah dikumpul dalam kem-kem tahanan dan ladang-ladang pengeluar produk makanan binatang.

Demi ALLAH wahai ummat Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم [saya tujukan ini] khususnya kepada siapa yang punya sirr dan kabul di sisi ALLAH dan RasulNya… mohonlah tuan-puan doa keatas orang itu… doa yang menjadikan dia pengajaran bagi mereka yang mengambil iktibar… dan bagi yang tak mengambil iktibar.

ALLAHUMMA amin… Robbana, inilah kehinaan kami dihadapanMu, hal kami tak sembunyi dariMu

Kami bermohon kepadaMu dengan tiap yang empunya sirr… mohon Engkau memuliakan kami… dan meninggikan kami… sesungguhnya cerita ini menyakiti kami… ya ALLAH.



وَاللّٰهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Dan ALLAH Telah Menciptakanmu Serta Apa Yang Kamu Lakukan -5

23 November 2015

Saya dari umat Saiyidina wa Maulana Muhammad -Sollallahu `alaihi wa sallam-… inilah seruan saya sejak saya mula tahu dan kenal dan sehingga saya mati Insya ALLAH

Saya tidak menyebelahi mana-mana kumpulan dan tidak juga memusuhinya… semua ini tidak penting… semua ini adalah persangkaan dan sangka-sangkaan

Kerana kita semua telah dibius… tidur… kita tak tahu satu apa pun… Memang inilah hakikatnya… hakikat yang pahit dan menyakitkan.

Saya tak faham persamaan kuadratik jenis apakah ini….

Afghanistan dimusnahkan… kemudian Iraq… kemudian Syiria… kemudian… kemudian… dan kemudian

Tak pentinglah… tak kira apa harganya… atau apa

kefahamannya… atau apa tujuannya… atau apa… atau apa saja

Bila kita nak sedar… nak bangkit … nak bersuara… nak menulis… nak mengulas… dan berdoa kepada ALLAH… doa yang merupakan intipati dari ibadah.

Yang diseru tak bernyawa…. semua dah mati… dan sudah dikebumikan… mungkin dah jadi bangkai… ALLAHU A'lam.

Dikalangan kita adakah orang yang berfikir

kalau Islam kita betul… beginikah jadinya hal kita ?!

kalau iman kita makbul… apakah kita akan mensia-siakan harta, masa dan umur kita untuk sesuatu yang tidak penting dan tak berfaedah ?!

Marilah kita mengulangkaji diri kita sendiri…

apakah kita ini sebenarnya Muslimun seperti yang ALLAH perintah kepada kita?

apakah kita ini sebenarnya Mukminun seperti yang telah diterangkan kepada kita oleh Saiyidina wa maulana Nabi kita صلى الله عليه وسلم ?

apakah kita ini sebenarnya Muhsinun seperti yang disimpulkan oleh tokoh-tokoh besar kalangan arifin dan masyaikh kamil رضوان الله عليهم أجمعين ?

Setidak-tidaknya dan selemah-lemahnya ialah kita -wahai umat Saiyidina wa Maulana Nabi kita صلى الله عليه وسلم- menghimpun hemah kita

dan kita berteguh janji untuk berubah seperti yang Saiyidina wa Maulana Nabi kita mahu kita berubah.

Apabila kita sudah begitu nescaya Robbana akan mengubah pada kita segala-galanya… dan Dia akan meletak kedudukan kita diatas segala-galanya… dan ALLAH akan menolong kita mengalahkan nafsu kita terlebih dahulu, kemudian ALLAH menolong kita mengalahkan kaum yang zalim.

Ya Robb… ya Robbana… pimpinlah tangan kami kepadaMu… ya ALLAH… jangan Kau tinggalkan kami kepada nafsu kami sekerdip mata dan tidak juga lebih sedikit dari itu.

Allahumma amin.



وَاللّٰهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Dan ALLAH Telah Menciptakanmu Serta Apa Yang Kamu Lakukan -6

25 November 2015

Lebih dari 25 tahun yang lampau (sekarang 1437 Hijriah) aku telah suhbah dengan Sidna Syeikh Abdun Nasir -moga ALLAH meredhoinya dan mencapaikan keredhoan buatnya, moga ALLAH mengurniai kita kemnafaatannya- menghadiri satu majlis maulid

di kota Madinah Al-Munawwarah, di rumah Sidi Syeikh Al-Mu`ammar Muhammad Zakaria Al-Bukhari yang beliau itu tak pernah berkahwin dan tak pernah fikir soal kahwin kerana kesibukan mengkhidmati ibundanya -moga ALLAH meredhoi kedua mereka dan mencapaikan keredhoanNya buat mereka berdua-.

Beliau masyhur dikalangan awliya dan solihin dunia Islam… jika mereka hadir ke Madinah Al-Munawwarah mereka akan menziarahi beliau… dalam soal adab dan tawadhu' Beliau berada di

puncaknya… beliau menafikan dirinya … beliau hampir tak pernah bicara melainkan sedikit… selalu beliau berkata aku bukan syeikh… aku harap aku mati sebagai seorang murid.

Diantara kebiasaan Sidi Syeikh Zakaria… beliau suka mengadakan maulid (waktu subuh, tidak malam) selepas solat fajar hari 12 bulan Rabi`ul Awwal. Beliau berkata kepada saya… Alhamdulillah syukur pada ALLAH

"Wallahi… Saiyidina wa Maulana Nabi kita صلى الله عليه وسلم dan para junjungan 10 sahabat yang dijamin syurga adalah tamu-tamu pertama yang hadir majlis ini dengan berkat tuan rumah ini sahabat mulia lagi mujahid Saiyidina Abu Ayyub Al-Ansari".

Sidi Syeikh Zakaria tinggal di rumah Saiyidina Abu Ayyub Al-Ansari رضي الله عنه وأرضاه ونفعنا به

dan di rumah tersebut ada telaga air yang wujud sejak zaman sahabat besar itu.

Beliau selalu bermimpi melihat Saiyidina wa Maulana Nabi kita mengambil wudhu' dari telaga yang penuh berkat ini

Alhamdulillah syukur kepada ALLAH atas budiNya ini.

Pokok perkaranya ialah:

di hari yang penuh keberkatan itu… di majlis yang

bercahaya dan harum mewangi itu

turut hadir dua orang pemidato besar dunia Islam… dan kedua-duanya masyhur.

Ketika kami mahu beredar pulang… selepas dijamu tuan rumah dengan menu harisah yang lazat citarasanya dan sampai sekarang aku masih merasai kelazatannya… yang demikian itulah adat ahli Madinah zaman dulu di pagi hari maulid mereka akan menghidangkan harisah yang sedap

malangnya adat ini sudah pupus… sudah masuk dalam lipatan sejarah

Apa pun, sesudah kami pulang dari majlis maulid yang penuh berkat dan diberkati itu… Sidna Syeikh berkata kepadaku… nampaknya kamu terkesan dengan pemidato pertama ya Mahmoud… saya jawab iya

Sidna Syeikh Abdun Nasir pun berkata…

Tak mengapa, kerana kamu baru di peringkat pemula… dan kamu masih belum menyerahkan kehendakmu kepada syeikhmu… tapi Insya ALLAH kebaikan akan tetap bersamamu.

Pemidato pertama bercakap dengan lisanul maqal (lidah petah)… dia berteriak, dia menekan dan mengeraskan suaranya, dia menukar-nukar riak wajahnya… dia melakukan itu untuk menarik perhatian orang kepadanya… dan ini tidak memberi

faedah… ia tidak masuk ke dalam hati… ia takkan membuahkan hasil walau berapa lama… ucapannya terbit dari lidahnya dan hanya sampai ke telinga… memang takkan lebih dari telinga.

Inilah dia hal para pemidato, ulama dan masyaikh akhir zaman… 99% mereka beginilah halnya

kerana mereka tidak beramal dengan apa yang telah mereka mengaji dan pelajari.

Adapun pemidato kedua dia bercakap dengan lisanul hal (dari hal jiwanya)… dia bercakap dengan hatinya, dengan tenang, cinta dan zauq… ucapannya dari hatinya pergi ke hati orang lain… inilah dia yang membuahkan hasil kerana ia telah berbuah terlebih dahulu pada diri orangnya… kerana dia beramal dengan ilmu yang dia tahu

Kewujudan jenis kedua ini di zaman sekarang nisbahnya 1%

Boleh jadi satu perseribu, boleh jadi satu persepuluh ribu… dan sampailah satu persejuta.

Moga ALLAH redho kepada yang berkata :

الأمر عندي مشاهد .... والناس عنه رقود

Perkara ini aku musyahadah menyaksikannya… orang lain tidur lena darinya

Wala hawla wala quwwata illa billahil `aliyyil `azhim.

Fahamilah ia… nescaya kau akan beroleh keuntungan… beroleh laba… Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



وَاللهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Dan ALLAH Telah Menciptakanmu Serta Apa Yang Kamu Lakukan -7

25 November 2015

Adalah Sidi Syeikh Muhammad Zakaria -moga ALLAH meredhoinya danmencapaikan keredhoan buatnya-… meletakkan kedudukanku sebagai anaknya sendiri… dan beliau sentiasa membela aku.

Setiap minggu pada hari Jumaat selepas fajar beliau akan menyembelih dua ekor kambing… -apabila sudah tua beliau menugaskan orang untuk menyembelih-

kemudian beliau mengambil wudhu'… seterusnya solat dua rakaat dengan niat beroleh kabul, hidayah, syifa' dan dapat terus mengerjakan amalan ini

kemudian beliau sendiri yang memasak… -dan apabila sudah tua beliau menyelia kerja-kerja memasak-.

Usai solat Jumaat … orang ramai datang untuk

khatam Al-Quran… mengikut bilangan yang hadir… terkadang jika ramai maka banyaklah khatamnya,

kemudian doa… Sidi Syeikh Muhammad Zakaria tidak minta dirinya yang memimpin doa dan tidak membacakan doa

kemudian makanan dihidang kepada semua yang hadir

dan beliau tidak makan melainkan dari lebihan para hadirin… sedangkan beliaulah yang mengepalai majlis.

Beliau terus mengadakan majlis khatam Al-Quran ini… serta menjamu makan selama lebih 70 tahun… hinggalah ALLAH mengambil nyawanya.

Beliau pernah berkata kepadaku :

Aku telah menghadiri majlis pengajian fiqh dan hadis… asuhan Maulana Syeikh Mirza Al-Ferghani… di rumahnya

Adalah Sidi Syeikh Hamid itu makan dari hasil kerja tangan sendiri… dia berkerja sebagai tukang jahit pakaian lelaki

Banyak kali dia mimpi bertemu Saiyidina wa Maulana Nabi صلى الله عليه وسلم… sebahagian dari mimpi-mimpinya itu telah diceritakan dalam kitabnya *Al-Fathur Rahmani Li Syaikhi Abil Ma`ani* edisi cetakan pertama yang dicetak di Pakistan.

Adalah Syeikh Hamid ini… telah menghafaz Al-Quranul Karim… dalam tempoh dua bulan… bulan Sya'ban dan Ramadhan

Cerita bagaimana perkara itu… adalah beliau telah lari menyelamatkan diri bersama pelarian lain ketika kerajaan Russia melakukan operasi pembunuhan alim ulama di Uzbekiskan

Sesampainya di Karachi, Pakistan… dia pergi berziarah kepada seorang ulama di situ… maka kenallah orang kepadanya… bahawa dia itu sebenarnya seorang murid sejati, siswa cemerlang dan bahkan dia adalah Syeikhul Islam di zamannya… Sidna Syeikh Abul Ma`ani di negeri-negeri Ma Wara'un Nahrain.

Maka kata orang Karachi kepadanya : "Sekarang kita sudah di akhir Rejab… Ramadhan dah hampir tiba… awaklah yang akan jadi imam kami solat terawih… selepas itu baru kami benarkan awak musafir ke tanah suci… Madinah Al-Munawwarah".

Terpaksalah dia menyetujui… terpaksa kerana dia waktu itu masih belum hafaz Al-Quran.

Maka menangislah dia dan berusaha sungguh-sungguh… dia tawassul… hingga mencapai kehendaknya… sebelum masuk bulan Ramadhan dia masih terus menghafaz… hafazannya diperdengarkan dalam solat terawih… selaku dia menjadi imam di bulan Ramadhan.

Belum habis bulan Ramadhan dia sudah jadi kalangan tokoh besar penghafaz Al-Quranul Karim… dengan tartilnya serta hukum-hakam tajwid yang mantap.

Dia mengajar ilmu fiqh dan hadis di rumahnya…. Sidi Syeikh Zakaria bercerita : … “Sumpah demi ALLAH ini berlaku berulang kali dan berkali-kali… semua yang hadir termasuk aku yang faqir, dhaif dan jahil ini mendengar tasbih segala benda jamadat di bilik Maulana Syeikh Hamid sambil beliau terus mengajar.

وَإِن مِّن شَيْءٍ إِلاَّ يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ وَلَكِن لاَّ تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ إِنَّهُ كَانَ حَلِيماً غَفُوراً

“Dan tidaklah tiap sesuatu itu melainkan ia berzikir memuji-mujiNya akan tetapi engkau tidak memahami tasbih benda-benda itu, sesungguhnya Dia Maha Penyantun lagi Amat Mengampuni”.



وَاللهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Dan ALLAH Telah Menciptakanmu Serta Apa Yang Kamu Lakukan -8

27 November 2015

ROBBANA berfirman dalam kitabNYA yang diagungkan lagi dibesarkan (Surah Al-Hadid 16) ...menegur mereka yang beriman :

أَلَمْ يَأْنِ لِلَّذِينَ آمَنُوا أَن تَخْشَعَ قُلُوبُهُمْ لِذِكْرِ اللَّهِ وَمَا نَزَلَ مِنَ الْحَقِّ

"Masih belum sampaikah masanya untuk mereka yang beriman khusyuk hati mereka dengan zikrullah ada apa yang turun dari yang hak".

Bagi mereka yang mengatakan diri beriman maka bilakah... mereka mahu berzikir kepada ALLAH dengan zikir yang banyak... sehingga khusyuk hati mereka... terhadap segala yang turun dari ALLAH Al-Fattah Al-Wahhab kepada hati Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم.

Kerna ini dan itulah Saiyidina Imam Tareqat As-Syaziliyyah Abul Hasan As-Syazili Al-Hasani Al-Maliki As-Syafie -semoga ALLAH mengkuduskan rohnya, menyinari pusaranya, mengurnia kita manfaatnya -رضي الله عنه وأرضاه- berkata ... dalam Hizbul Kabir-nya:

> ***"Celaka dan kemudian celaka bagi siapa yang mengakui keesaan ALLAH... tapi tidak redho dengan hukum-hakamNya"***

Inilah yang berputar... dan berlaku di laman-laman nafsu, keluarga, negeri, negara, dunia antarabangsa dan alam buana... hukum dan hakam dari ALLAH Azza wa Jalla berlaku

Semua orang kata... dirinya melakukan segala sebab material yang dapat dicapai dan diketahuinya... cemerlang sungguh

walaupun sebenarnya itu tidak tepat dan tidak benar

lalu bagaimana pula dengan sebab-sebab yang maknawi... doa... doa... doa...

الدعاء مخ العبادة واصل اصول العبادة

"Doa adalah intipati ibadah"

Doa di waktu-waktu yang disukai dan mustajab

Doa tika sendiri

Doa... dan melakukan segala sebab yang melayakkan doanya dijawab ALLAH dan mustajab seperti bersedekah, mendampingkan diri kepadaNya, tawassul, istighasah, dengan hina diri dan remuk redam hati, dengan kefakiran dan memfakirkan diri.

Marilah... wahai umat Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم ...hendaklah kamu berdoa.

Seperti yang dikatakan...doa takkan ditolak jika ia dimulakan... dan diakhiri dengan selawat salam keatas Baginda pensyafaat umat dan agama, penghulu segala kewujudan Saiyidina wa Maulana Muhammad rahmatan lil`alamin صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وزوجاته وأنصاره ومحبيه أجمعين

Bacalah Al-Fatihah dengan niat beroleh redho dan kabul

ALLAHU ROBBANA amin... amin...amin

فَاسْتَجَبْنَا لَهُ وَنَجَّيْنَاهُ مِنَ الْغَمِّ وَكَذَلِكَ نُنجِي الْمُؤْمِنِينَ

"Maka Kami pun memustajabkan untuknya dan Kami lepaskan dia dari dukacita dan demikianlah kami memberi keselamatan kepada mereka yang beriman".



وَاللهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Dan ALLAH Telah Menciptakanmu Serta Apa Yang Kamu Lakukan -9

27 November 2015

ROBBUNA yang menciptakan kita lagi cinta kita yang Maha Besar Maha Agung berfirman dalam Al-Quranul Karim Al-Mubin (Surah At-Taubah 105) :

وَقُلِ اعْمَلُواْ فَسَيَرَى اللهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ

"Katakanlah (ya Muhammad) : "Hendaklah kalian beramal, maka ALLAH akan melihat amalanmu, begitu juga Rasul dan mereka yang beriman (akan melihatnya)"

وَسَتُرَدُّونَ إِلَى عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ

"Dan kalian akan dikembalikan kepada Tuhan yang Maha Alim pada segala yang ghaib dan nyata lalu Dia akan memberitahumu apa yang telah kamu lakukan".

Sidna Abdun Nasir berkata … tanda sah benarnya amalan kita… ialah ALLAH, RasulNya dan mereka yang beriman menjadi saksi kepada amalan yang soleh dan makbul itu...

dan terzahir buah dari amal soleh yang makbul itu… nur dalam hati… yang terefleksi pada wajah… cahaya putih… merah… seperti suria… dan bulan… ada nur ahli zikir… ada nur ahli selawat salam Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم … dan tiap bentuk zikir itu ada cahayanya yang khas terzahir pada wajah orang yang berzikir.

Ada cahaya Ahlil Hadrah… ada cahaya Ahlil Qurb – Al-Abror … ada cahaya orang kasyaf… ada cahaya orang musyahadah… ada cahaya orang `iyan.

Yang tidak ada ialah kehitaman atau tompok hitam yang nampak di dahi… awaslah darinya wahai para ahbab Saiyidina wa maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم

Kerana sesungguhnya Saiyidina wa Maulana Rasulullah صلى الله عليه وسلم benci dengan tanda hitam yang demikian itu…. yang ianya terbit dari banya menggesek dahi di permukaan kasar

sampai ada seorang rakan memberitahu saya :

Ada yang menggesek dahinya di permukaan kasar… dan membuat bentuk yang disukainya… atau di mana tempat yang dia mahu

kemudian dia tenyehkan pula kuat-kuat dengan bawang putih… maka muncullah rupa bentuk hitam itu di dahinya… dia menyangka tanda hitam itu diperolehinya dengan banyak sujud

Tidak… tidak … tidak

Adapun makna ayat :

سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِم مِّنْ أَثَرِ السُّجُودِ (سورة الفتح 29)

"Tanda mereka pada wajah mereka dari kesan sujud" (Surah Al-Fath 29)

[Maknanya] terzahir cahaya pada wajahnya kerana zikir yang banyak… lalu berlakulah kepadanya sujud hati… apabila hati sudah sujud… nescaya segalanya bagi ALLAH, bersama ALLAH dan pada ALLAH… dan tiada yang lain dari ALLAH… dan Tiada Tuhan Melainkan ALLAH.



وَاللهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Dan ALLAH Telah Menciptakanmu Serta Apa Yang Kamu Lakukan -10

28 November 2015

Ada kawan beritahu saya ; dia dahulu belajar di satu universiti di tanah bumi Robbi yang luas dan rektor universitinya itu seorang tokoh yang cinta kepada para solihin.

Beliau mengarahkan para pegawainya di kantin-kantin siswa… untuk mencampur bahan kapur masakan ke dalam makanan

Kapur masakan dapat mengurangkan keinginan seks dikalangan pelajar lelaki

Atas faktor inilah tak kedapatan di universiti kami satu kes liwat pun sepanjang tempoh perkhidmatan rektor yang cemerlang ini.

Subhanallah… kita perlu kepada bahan bantuan supaya tak melanggar batas undang-undang ALLAH

yang ini halal… yang ini haram

kiaskanlah ini…. dengan segala perkara lain…

Bagaimana terjadi bahawa insan yang seni, comel dan indah pada gerak-gerinya dan cemerlang pada akhlaknya… apabila dia makan

melalui jalan mulutnya (makan dan minum) … atau melalui jalan akalnya (kuliah, bual bicara, penulisan, kawan-kawan jahat atau selainnya yang berbagai medium

[melalui itu] dia boleh bertukar menjadi haiwan… yang tiada kemanusiaan padanya

dia bertukar menjadi buas… tiada padanya rahmat, tiada akal, tiada fikiran

dia bertukar atau dia mencipta keganasan… dia menyakiti dirinya sendiri dan keluarganya dan tanah airnya dan agamanya yang merupaka perkara paling berharga yang dimilikinya.

Kerana ini dan itulah… keselamatan di zaman ini… ialah dengan meninggalkan segala-galanya…

dan dengan memfokus diri untuk produktif, inovasi, memberi faedah dan manfaat kepada umat dan kemanusiaan.



وَاللهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Dan ALLAH Telah Menciptakanmu Serta Apa Yang Kamu Lakukan -11

28 November 2015

Hari ini saya mahu tulis tentang apa yang saya baca di facebook.... tajuk-tajuknya saja... tanpa mengulas.

Masing-masing orang menyanyi untuk Laila-nya... ertinya ... awak ketawalah... awak menangislah... awak bertempiklah... tak usah peduli

buatlah apa yang awak rasa patut.

1-Serangan Balas TKO Serigala Turki Kepada Beruang Russia

2-Mujahidin Chechnya : Kami Menunggu Arahan Pemimpin Muslimin Erdogan

3-Ahli Parlimen Mesir Dari Parti An-Nur As-Salafi: "Kepimpinan Presiden Al-Sisi Mengikut Jalan Para Nabi"

4-Para Pemimpin Eropah akan bersidang dengan

Turki. Melalui persidangan ini Ankara dijangka akan mendapat sokongan untuk diterima menjadi anggota Kesatuan Eropah dan dijanjikan bayaran tertentu sebagai ganjaran menghentikan gelombang kemasukan pelarian.

5-Saksikan…rakaman video yang membongkar bagaimana pemenang ratu cantik dipilih melalui kretiria "punggung tercantik".

6-Rakaman video para penonton Tunisia meninggalkan panggung sinema sambil menyifatkan filem "Loubna Abidar" sebagai busuk dan jijik.

7-Majlis Ulama Muslimin Iraq : 8941 orang yang kebanyakan mereka adalah kanak-kanak dan wanita menjadi mangsa kecederaan atau pembunuhan yang dilakukan oleh pihak keselamatan dan milisia kerajaan.

8-banyak lagi yang lain

dan tidak ada satu pun tajuk mengenai bagaimanakah jalan menuju ALLAH…

Frustasi dan ketakukan menimpa dunia antarabangsa… natijahnya adalah pesakit tanpa sempadan… dan tak terkira banyaknya.

Bidang pengkususan ini tidak ada… kerana kelangkaannya.

Fiqhul Qulub (fiqh rawatan hati) … siapa yang tahu rawatan fiqhul qulub… sila tunjukkannya kepada saya.

Dari mana specialist bidang ini graduasi… [menjadi] doktor pakar lagi cerdas

Apa nama klinik rawatannya… Zawiyah Sufi Sunni yang soheh, yang jelas dan ada izin

Carilah ia… dan jika tuan-puan ketemu… yang pertama dapatkan kesembuhannya… kemudian tuan puan ceritalah bagaimana proses rawatannya berlaku

Kalau tidak begitu maka diamlah wahai tuan-puan sekalian…. Biarlah kita menangisi keberadaan kita di zaman ini

zaman semua orang mengaku faham… specialist… dan arif.



وَاللّٰهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Dan ALLAH Telah Menciptakanmu Serta Apa Yang Kamu Lakukan -12

29 November 2015

Hikayat ini benar-benar berlaku, aku dengar sendiri dari Sidi Dr. Manee' Ibnu Sidna Syeikh Abdul Halim Mahmoud -moga ALLAH meredhoi kedua mereka- :
Kata beliau padaku :

Ketika aku sudah di tahap pembentangan tesis kedoktoran.... (sebagai beradab Sidi Dr. Manee' tak menyebut siapa nama penyelia utama tesisnya itu... sebab ada ceritanya)

...aku sudah melengkapkan segala-galanya dan sudah sedia untuk pembentangan... tapi sang penyelia sengaja menunda-nunda dan menangguh... aku tak tahu apa sebabnya. Memanglah aku anak Syeikhul Azhar... tapi sebagai siswa atu berusaha bersungguh-sungguh... sama macam siswa lain.

...boleh jadi dia mahu sesuatu dari ayahku... lalu

menggunakan aku untuk menekan ayah… ALLAHU A'lam… tak tahulah aku.

Pada satu hari… aku mengadap ayah… mengadulah aku kepada beliau tentang penyelia yang melambat-lambatkan aku… tanpa sebarang sebab… sedangkan aku sudah sedia.

Ayah tersenyum… lalu dengan sederhananya berkata… kamu pergilah jumpa pakcikmu Syeikh Ali Al-Kumi… dia akan menyelesaikan masalahmu ini.

Tapi di mana saya boleh jumpa Syeikh Ali ini?... kata ayah : Dia tinggal di kawasan Ad-Darrasah dan ini alamatnya… dia solat zohor dan asar di Masjid Sidi Al-Adawi, bersebelahan dengan Masjid Sidna wa Maulana Husein...

dia juga menjadi imam solat maghrib, isya dan subuh di Al-bab Al-Akhdar di Masjid Sidna wa Maulana Husein. Kamu pergilah dan bercakaplah dengannya.

Sidi Dr. Manee' berkata :… aku sampai ke sana, lepas solat isya' di kawasan Sidna wa Maulana Husein عليه الصلاة والسلام… langsung aku pergi ke rumahnya di Ad-Darrasah.

Aku ketuk pintu… di membalas dengan bertanya siapa… aku jawab : Manee' anak Syeikh Abdul Halim… dia gembira dan ucap marhaban mempersilakan.

Aku minum teh… dan menceritakan kisahku… dia pun cakap : Bersediakah kamu esok pagi jam sepuluh?

Aku jawab iya… dia pun cakap bagus, sekarang baliklah kamu dan tidur elok-elok… esok jam lapan pagi kamu harus sudah ada di fakuliti

nama kamu akan dipanggil… untuk pembentangan… dan tahniaaaaaaaah kamu berjaya.

Tapi dengarkanlah ini… kamu akan mendapati aku yang menjadi ketua panel.

Sidi Dr. Manee' mengujar kepadaku : Aku rasa takjub yang amat sangat… boleh dikatalah aku tak percaya… tapi dalam hati aku cakap marilah aku cuba.

Syeikh Ali Al-Kumi ini seorang darwisy besar di hadrat Saiyidina wa Maulana Husein di waktunya… ini betul

tapi dia mana ada sijil Phd… lepas tu macam mana pulak nak jadi ketua panel

dia guru di Al-Azhar pun bukan

sekarang ni dah dekat tengah malam … besok siang nak pembentangan… ajaib betul.

Tanpa apa-apa pengumuman… sepanjang siang tadi mereka tak beritahu apa pun padaku… sedangkan aku di fakuliti.

Yang penting sekarang Ahlullah telah menggegar aku dengan gegaran yang indah… kuat… keras… mungkinkah itu… boleh berlakukah

Esok paginya aku pun pergi… berlakulah betul-betul seperti yang diberitahu kepadaku oleh Sidi Syeikh Ali Al-Kumi رضي الله عنه وأرضاه lalu aku berhasil menggondol sijil Phd dengan berkat syeikhku dan Ahlillah.

Selepas itu… apabila aku (penulis artikel ini) berkenalan dengan Sidi Syeikh Manee'… dia menemukan aku dengan Sidi Syeikh Ali Al-Kumi… maka aku pun suhbah dengannya berulang kali dan berkali-kali di Mesir dan Madinah Al-Munawwarah, dan kami sama-sama naik haji.

Aku telah melihat dari keajaiban ahwalnya… dan tindakannya yang ajaib.

Alhamdulillah syukur kepada ALLAH

Semoga ALLAH meredhoi seluruh awliya dan solihin di tiap zaman dan tempat, semoga ALLAH mengurniai kita manfaat mereka. Itu semuanya dengan berkat Sidna wa Sanadina, murobbi roh dan jasadku As-Syeikh Abdun Nasir رضي الله عنه وأرضاه dan semoga ALLAH sentiasa mengurniaiku manfaatnya selalu.

ALLAHumma ROBBANA amin.



وَاللهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Dan ALLAH Telah Menciptakanmu Serta Apa Yang Kamu Lakukan -13

3 Disember 2015

Pada satu hari yang indah… aku sedang dalam pengembaraan bersama Sidna Syeikh Abdun Nasir ke satu negeri di tanah bumi ROBBI nan luas, indah, seronok dan mempesona… disertai oleh kalangan murid-murid yang dikasihi.

Datang seorang lelaki… berziarah kepada Sidna رضي الله عنه وأرضاه… lelaki itu ketakutan kerana sihir… macam-macam cerita sihir dan ahli sihir dibualkannya… sampai habis segala yang nak diceritakannya… aku takjub dengan kesabaran Sidna… sabar yang amat sangat.

Sidna tidak memotong cakap lelaki itu… beliau hanya mendengar… ketika si lelaki sudah selesai mengumbar ceritanya yang panjang lebar dan membosankan aku.

Maka berkatalah Sidna Syeikh : ROBBANA

berfirman dalam kitabNya yang mulia

وَلاَ يُفْلِحُ السَّاحِرُونَ

"Dan tidaklah ahli-ahli sihir itu berjaya" -Surah Saiyidina Yunus عليه الصلاة والسلام *ayat 77*

وَلا يُفْلِحُ السَّاحِرُ حَيْثُ أَتَى

"Dan tidaklah ahli sihir itu berjaya pada apa yang didatangkannya" - Surah Saiyidina wa Maulana Thoha صلى الله عليه وسلم *ayat 69*

Kemudian Sidna رضي الله عنه وأرضاه ونفعنا به berkata...

Wahai anakku, ambillah wasiat ini nescaya engkau takkan ditimpa sihir selama-lamanya dengan izin ALLAH dan RasulNya صلى الله عليه وسلم

Peliharalah amalan solat dhuha jangan kau tinggalkan ia sedapat yang mungkin... sepanjang hayatmu... sekurang-kurangnya dua rakaat dan maksimanya terpulang

Inilah satu dari sekian banyaknya rahsia ajaib dari solat dhuha... pada waktu dhuha sihir tak dapat berperanan seperti yang disebut dalam Al-Quranul Karim dengan terang dan jelasnya...

وَأَن يُحْشَرَ النَّاسُ ضُحًى

"Dan hendaklah orang ramai dihimpun pada waktu dhuha". - Surah Saiyidina wa Maulana Thoha صلى الله عليه وسلم *ayat 59*

Zaman dulu-dulu kami di Madinah Al-Munawwarah kami akan melewatkan solat isyraq... hingga masuk waktu dhuha... lalu kami lakukan kedua-duanya berturutan.

ALLAH berselawat keatas Saiyidina wa Maulana Muhammad Nabi yang ummiy beserta ahli keluarga, para sahabat, isteri-isteri, para ansar dan para pecinta Baginda....

Amin Allahumma Robbana amin.



وَاللهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Dan ALLAH Telah Menciptakanmu Serta Apa Yang Kamu Lakukan -14

3 Disember 2015

Telah ku dengar dari Sidna Syeikh Abdun Nasir -semoga ALLAH meredhoinya dan mencapaikan keredhoan buatnya, semoha ALLAH mengurniai kita kemanfaatannya- … Allahumma Robbana amin

Zaman sekarang orang sudah mempermainkan segala-galanya

segala-galanya mereka tukar menjadi manfaat dan kepentingan peribadi

apa yang mereka lakukan semata-mata bermotifkan perniagaan dan keuntungan.

Yang lain mereka dah tak peduli… manusia sudah kehilangan akalnya… adapun hatinya sudah mati… melainkan orang yang dirahmati ALLAH apabila dia masuk melalui jalan Baginda yang menjadi rahmat pemberi hidayat Saiyidina wa Maulana Nabi صلى لله عليه وسلم

Satu dari sekian banyak contoh yang teramat banyak sampai tak terkira... tamar…ajwa… dari Madinah Al-Munawwarah

Yang pertama sekarang kebanyakan produk tamar ajwa berasal dari luar Madinah Al-Munawwarah

Dalam hadis Saiyidina wa Maulana Nabi صلى الله عليه وسلم telah bersabda :

من تصبح بسبع تمرات عجوة لم يضره ذلك اليوم سم ولا سحر

"Barangsiapa berpagi-pagi dengan tujuh biji ajwa maka pada hari itu dia takkan dimudarati oleh racun dan sihir".

Telah benar, telah benar dan telah benarlah Saiyidina wa Maulana Nabi صلى الله عليه وسلم.

Yang kedua, boleh jadi ajwa yang kita tahu sekarang ini… bukan ajwa yang 1400 tahun dahulu.

Saya dah buat tuan-puan pening kepala… sekrang sila fokus… dan ini tujuan dari artikel kita;

Setiap pagi selama tujuh hari… dan tujuh biji tamar ajwa… bukan sepanjang tahun

sekali setahun… tiap amal itu dikira dari niatnya

dari hari 14 hingga hari 21 pada bulan Muharram setiap tahun.

Ini adalah sirr dari hadis diatas, ini merupakan satu dari sekian banyak sirr… kiaskanlah dengan segala perkara lain.

Sirr seperti ini takkan diberi kepadamu sehinggalah kamu suhbah, menyerah dan berserah kepada syeikhmu yang membimbingmu kepada ALLAH.... Para masyaikh kamil itu akal mereka melampaui segala akal.

Telah ku dengar dari Sidna Syeikh رضي الله عنه وأرضاه:

Orang yang datang kepada kami akan mengambil apa yang dia mahu… tapi kami takkan memberi melainkan apa yang kami mahu

Fahamilah ia hai orang muda… nescaya kau kan jaya… dan merasa zauq yang telah dirasai oleh para rijal yang besar

Akhir kata… janganlah jadi bakhil, *share*lah semua artikel… kalau kamu suka

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



وَاللهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Dan ALLAH Telah Menciptakanmu Serta Apa Yang Kamu Lakukan -15

4 Disember 2015

H [Hari ini] Jumaat yang diberkati… penuh keberkatan… pada hari ini ada satu detik dimustajabkan doa

Hari ini juga merupakan hari paling afdhal dalam seminggu… ia merupakan hari raya mingguan bagi kaum Muslimin.

Terkandung dalam hari jumaat berbagai fadhilat dan sirr yang tak terbilang dan tak terkira banyaknya… masing-masing akan dapat mengikut bahagiannya

ALLAHumma Robbana bagiMu segala puji dan segala syukur… dan aku hamba yang lemah, dhaif, faqir, dina dan jahil.

ROBBUNA Al-Jalil Al-Karim Al-Halim As-Sattar berfirman dalam kitabNYA yang agung, benar lagi terang :

إِنَّمَا أَنتَ مُنذِرٌ وَلِكُلِّ قَوْمٍ هَادٍ

"Demi sesungguhnya engkau (ya Muhammad) adalah pemberi amaran dan bagi setiap kaum ada pemberi petunjuk" - Surah Ar-Ra'd: 7

Saiyidina wa Maulana Nabi صلى الله عليه وسلم Baginda adalah segala-galanya... kalangan junjungan kami رضوان الله عليهم أجمعين menyenaraikan 201 nama dari nama-nama Baginda yang mulia صلى الله عليه وسلم ... dalam kitab yang termasyhur Dalailul Khayrat karya Sidna As-Syeikh Al-Jazuli Al-Hasani As-Syazili

Kalangan mereka رضوان الله عليهم ada yang menyenaraikan 600 nama dari nama-nama Baginda yang mulia... ada yang lebih dan lebih dari itu hingga mencapai angka ribuan... selawat paling afdhal salam paling murni tahiyyat paling tinggi dan takzim paling gemilang buat Baginda...صلى الله على سيدنا ومولانا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.

Sidna Syeikh Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili رضي الله عنه وأرضاه berkata .... Firman ALLAH : (وَلِكُلِّ قَوْمٍ هَادٍ) "***dan bagi setiap kaum ada pemberi petunjuk***"... ayat ini punya makna dan isyarat yang banyak dan besar... antaranya ....

Bahawa pemberi petunjuk dalam kaumnya adalah... mursyid (guru pembimbing) makhluk kepada Al-Khaliq... yaitu seorang syeikh kamil...

Wajiblah bagi seorang syeikh kamil itu hatinya bersambung dan berhubung dengan hati Al-Habibul A'zhom war Rasul Al-Akram wan Nabiy Al-Afkham Saiyidina Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم.

Dan hendaklah dia itu *ahlil wishol*... berhubung dengan sanadnya dari syeikh kepada syeikh sambung menyambung kepada hadrat Al-Qurbul Aqrab Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم

ertinya pada segala-galanya dia mengambil madad dari hati Baginda yang mulia nan suci Saiyidina Muhammad صلى الله عليه وسلم

Apabila begitu jadilah dia memberi petunjuk (hidayat) dan mendapat petunjuk.

Adapun [kedudukannya sebagai petujuk] pada kaumnya... maka di situ ada banyak isyarat... antaranya yang khusus untuk waktu sekarang

jika kita mengambil perkataan para junjungan ulama رضوان الله عليه أجمعين... kelayakan berfatwa... ertinya orang yang boleh mengeluarkan fatwa itu ada tiga syarat... supaya sah engkau mengeluarkan fatwa wahai tuan mufti yang terhormat

1-Masa

2-Tempat

3-Ikhwan (masyarakat sekeliling)

Bahkan kalangan ulama yang ahli warak

menambah syarat yang keempat… yaitu wajiblah bagi mufti itu telah melawat, telah tinggal menetap, telah makan minum, telah bercampur gaul dengan masyarakat [tempat fatwa itu mahu dikeluarkan]… kalangan ulama juga ada yang menyebut bahawa mufti itu hendaklah berkahwin dengan wanita di tempat itu.

Kerana itu kamu tidak berhak selaku warga Madinah Al-Munawwarah… untuk berfatwa kepada penduduk Makkah Al-Mukarromah… sedangkan kamu tinggal di Dammam contohnya… ini di satu negara yang sama.

Kiaskan sajalah dengan bandar-bandar lain di seluruh dunia.

Kamu tidak berhak untuk memberi fatwa selaku kamu tinggal di Qatar contohnya… kepada penduduk Syiria… ini di negara-negara yang berbeza-beza.

Kiaskan sajalah dengan negara-negara lain di seluruh dunia.

Saya suka dengan hal di Malaysia dan Turki… setiap daerah, negeri dan wilayahnya ada mufti sendiri… sebagai satu bentuk kedudukan dan jawatan… amat dikesalkan

kerana peranan mufti di situ tidak diaktifkan… -kesalnya- kerana ia hanya menjadi satu jawatan dalam perkhidmatan kerajaan… sama taraf dengan

jawatan kerajaan yang lain… mengadu kepada selain ALLAH jadi hina.

Tapi jangan kita lupa syarat terbesar untuk menjadi mufti adalah dia mesti dari kalangan ahli zikir… seperti yang difirmankan oleh ALLAH Tuhan kita dalam kitabNya yang mulia sebanyak dua kali:

فَاسْأَلُواْ أَهْلَ الذِّكْرِ إِن كُنتُمْ لاَ تَعْلَمُونَ

"Maka tanyalah ahli zikir jika kamu tidak mengetahui" - Surah An-Nahl : 43

dan dalam Surah junjungan kita Al-Anbiya عليهم الصلاة والسلام ayat 7.

Beginilah syaratnya bagi seorang alim… dan seorang mufti… lalu bagaimana pula syarat bagi seorang syeikh murobbi ???

Syaratnya sama dengan syarat-syarat yang telah disebut tadi… dan hendaklah syeikh murobbi itu lebih tinggi kedudukan dari alim dan mufti pada segala perkara… pada ilmu, amal, adab dan banyak lagi. Kerana ini dan itulah… semua artikel saya ditujukan secara khusus dan umum yang pertama untuk nafsu diri saya yang jahat dan zalim

Kemudian ditujukan kepada semua junjungan saya kalangan ahbab dan muridin Sidna Syeikh Al-Kamil Abdun Nasir رضي الله عنه وأرضاه ونفعنا به في الدارين .

Adapun bagi tuan-puan di facebook kalangan umat Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم ....

pertama-tamanya saya mohon kepada tuan-puan sudilah kerana ALLAH memaafkan saya dari hati tuan-puan... tuan-puan sememangnya ahli pada memberi kemaafan

Kerana saya amat berterus terang... dan boleh jadi ini menyakiti perasaan sebahagian dari tuan-puan... tapi soalnya kita ketiadaan ruang waktu untuk bertangguh dan sessi rayuan

Kemudian dipersilakanlah tuan-puan untuk membaca dan menyiarkan semua artikel-artikel itu (jika tuan-puan suka) atas dasar silaturrahim.

dan sesungguhnya saya menyayangi tuan-puan semua kerana ALLAH....

Agama itu... nasihat... nasihat... nasihat

supaya kita dapat saling lengkap melengkapi satu sama lain, ziarah menziarahi dan berkasih sayang kerana ALLAH Azza wa Jalla dan kerana RasulNya Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم وجميع آله وجميع اصحابه وجميع زوجاته وجميع احبابه وجميع محبيه وجميع امته ....Allahumma Robbana terimalah kami dan terimalah dari kami demi jaah Baginda yang agung dan kemuliaan Baginda yang besar صلى الله عليه وسلم تسليما كثيرا كثيرا كثيرا الى يوم الدين.



وَاللهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Dan ALLAH Telah Menciptakanmu Serta Apa Yang Kamu Lakukan -16

5 Disember 2015

Sidi Professor Dr. Manee' Ibnu Sidna Al-Imam Al-Akbar Abdul Halim Mahmoud -moga ALLAH meredhoi kedua mereka dan seluruh solihin yang masih hidup mahupun yang telah pergi dan semoga ALLAH mengurniai kita manfaat mereka semua- bercerita kepada saya :

Dahulu Universiti Al-Azhar membiayai lebih kurang 500 orang untuk menunaikan haji setiap tahun

Maka Sidna Syeikh Abdul Halim… minta kepada syarikat urusan haji… macam mana kalau kita gandakan angka ini sepuluh kali… ertinya jadi 5000 jemaah haji yang terdiri dari umum kaum fakir Muslimin, ganti dari hanya 500 jemaah haji warga Al-Azhar setiap tahun.

Pengarah syarikat urusan haji jawab… kalau

begitu ya Maulana… tak adalah lima bintang… tak adalah mewah-mewah… semua jemaah… akan sama tarafnya dengan rakyat jelata Mesir yang lain… menginap di hotel dan kediaman biasa saja

Lalu kata Sidna Syeikhul Akbar … ini yang aku mahu.

Maka marahlah Syeikh Muhammad Al-Ghazali… -moga ALLAH merahmatinya- pada Al-Imamul Akbar… kata beliau kepadanya : ALLAH nak muliakan kita … awak pulak nak hinakan kita

Syeikhul Islam رضي الله عنه pun berkata menjawabnya … Al-Azhar ini bukan milik bapak dan ibuku atau keluarga… Al-Azhar milik seluruh Muslimin.

Syeikhul Azhar Sidna Syeikh Abdul Halim Mahmoud As-Syazili Al-Husayni berkata kepada anaknya Manee'… anakku… kamu ikutlah dengan wang gajimu… atau berhutang dengan pakcikmu atau makcikmu… kalau kamu suka nak pergi haji dengan ayah.

Wahai anakku, kamu takkan jadi sebahagian dari rombongan jemaah haji Al-Azhar… pergilah dengan fulus peribadimu, dari hasil pekerjaan halalmu dan dari titik peluhmu… aturkanlah dengan tuan punya syarikat urusan haji supaya kamu boleh menginap, tinggal dan bersama dengan rombongan kami.

Sidi Syeikh Manee' mengujar… sumpah demi

ALLAH ya Dr. Mahmoud… ayahku itu hatta katilnya di hotel Makkah Al-Mukarramah dan Madinah Al-Munawwarah pun diberinya kepada orang-orang fakir.

Menangis sedih aku dengan hal ayah dan aku kata padanya… demi ALLAH ayah… marilah ayah berehat di katil saya

Begitulah aku dengan ayah bergilir-gilir menggunakan katil… di musim haji… sedangkan ayahku Syeikhul Akbar… Syeikhul Azhar… Imam kaum Muslimin.

Ayahku jika di madinah Al-Munawwarah akan masuk ke Masjid Haram Nabawi lalu duduk di Raudhah Al-Musyarrafah sejak sebelum fajar… sampailah lepas solat isya'… ayah mengenakan pakaian biasa… supaya dirinya tak dikenali… kalau orang kenal mereka akan menyibukkan beliau dari menumpu kepada ALLAH dan RasulNYA صلى الله عليه وسلم. Maka ayahku itu kalau di Madinah Al-Munawwarah dan di Makkah Al-Mukarromah… orang tak dapat nak mengecam beliau… kerana pakaiannya seperti umum rakyat Mesir.

Tapi kalau awak lihat beliau di Al-Azhar; pakaiannya yang paling mewah… beliau menempah pakaiannya kepada tukang-tukang jahit paling mahir, terbaik dan paling popular di Qaherah

…kerna ini dan itulah ROBBANA mengabadikan

kenangan beliau...

abadi hingga ke tahap seluruh masyaikh Azhar yang selepas beliau... amat merasakan bahawa beliau masih ada dan masih disebut-sebut... sedangkan mereka tak pula disebut-sebut

Perkara inilah yang boleh jadi telah menyebabkan sesetengah pihak bersikap alergi terhadap keluarga As-Syeikh Al-Kamil Abdul Halim Mahmoud

Pada artikel mendatang... saya akan menulis tentang satu peristiwa Syeikhul Azhar Al-Imam Sidi Professor Saiyid Thanthawi -moga ALLAH merahmatinya dengan rahmat yang luas-.



وَاللهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Dan ALLAH Telah Menciptakanmu Serta Apa Yang Kamu Lakukan -17

15 Disember 2015

Antara hikayat Sidi Professor Dr. Manee' -moga ALLAH meredhoinya-… yang beliau ceritakan kepada si hamba yang dhaif ini tentang ayahndanya Sidna As-Syeikh Al-Akbar Abdul Halim Mahmoud bahawa Sidna Syeikh Abdul Halim apabila hari Maulid Nabawi yang mulia… beliau suka menggembirakan isi rumah dan keluarganya dengan segala macam cara dan jalannya.

Pada hari maulid beliau juga suka menyembelih ayam turki lalu dihantar sembelihan itu ke rumah empat orang anak perempuannya… dan ke rumah dua anak lelakinya… inilah kebiasaan beliau tiap tahun.

Adalah beliau رضي الله عنه itu berpuasa selang seli hari (puasa Saiyidina Daud عليه السلام) hinggalah beliau pergi mengadap Tuhannya

pada hari yang beliau tidak berpuasa… beliau akan makan pada hari itu setengah keping roti [Arab]… dengan membubuh di dalamnya inti madu, atau boleh jadi hanya mentega… dan inilah makanan harian beliau.

Adalah beliau itu akan masuk ke kamarnya selepas solat isya lalu takkan keluar melainkan selepas solat isyraq dan dhuha… pada malam hari beliau takkan pernah tidur… selepas solat isyraq beliau akan duduk menulis hingga jam 10 pagi… semua kitab-kitab beliau ditulis pada waktu inilah.

Berdasarkan apa yang saya yakini -jika ingatan masih kuat-… cuti mingguan adalah pada hari Khamis dan Jumaat...

maka Sidna Syeikh Abdul Halim itu banyaklah beliau masuk uzlah dan ini merupakan amalan yang diketahui umum pada para tokoh Syaziliyyah... يا ولدي انا مع حبيبي ربي .... فارجوك لا Sidna Syeikh Abdul Halim akan masuk ke kamarnya selepas solat maghrib hari Rabu dan keluar pada subuh hari Sabtu untuk pergi kerja… Beliau akan berkata kepada anaknya Sidi Dr. Manee'… wahai anakku, ayah [dalam uzlah] bersama kekasihku Robbi… ayah harap kamu jangan sekali-kali mengetuk pintu tak kira walau apa pun yang berlaku.

Sidi Dr. Manee' bercerita kepada saya… bahawa pada satu hari… pejabat presiden republik membuat

panggilan.... Presiden Anuar Sadat bercakap dalam talian telefon kepada saya... aku nak bercakap dengan ayahmu

Saya takut dan menggeletar tak tahu apa nak kata... saya tawakkal kepada ALLAH... saya cakap... ayah ada di kamarnya sedang uzlah... ayah cakap pada saya... jangan ketuk pintu... ayah sedang bersama ALLAH.

Tuan presiden pun jawab dengan tenang... berkata kepada saya... anakku... bila ayahmu keluar nanti sampaikan kepada beliau agar menghubungiku kerana ada perkara penting.

Sidi Dr. manee' berkata kepada saya... Wallahi, ketika itu saya amat ketakutan... kalau-kalau pasukan kecemasan (pengawal khas presiden) datang ke rumah memecah pintu dan mengambil ayah... syaitan menggusar dan mempermainkan saya habis-habisan... kerana pada waktu itu zaman tangkapan [dan tahanan politik]

...sampailah ayah keluar dari kamarnya pada subuh hari Sabtu... dalam keadaan beliau yang bercahaya-cahaya... sambil mengujar kepada saya dengan senyum dan berkata : Anakku... maafkan ayah, kamu gusar membimbangkan ayah

...wahai anakku, kami ini sudah masuk dalam daerah jaminan... daerah Saiyidina wa Maulana Nabi صلى الله عليه وسلم

…takkan ada siapa yang dapat menyakiti kami atau melakukan kejahatan terhadap kami

…walhamdulillah awal dan akhirnya

Walhamdulillahi Robbil Alamin.



Seminar Nafahat Di Jalan ALLAH

20 Disember 2015

Alhamdulillah syukur pada ALLAH... semalam selesai sudah program perdana As-Syazili di Malaysia yang diisi dengan kuliah dari jam 9:00 pagi hingga 5:30 petang berjudul Nafahat Di Jalan ALLAH... bertempat di Management Sciences University, Shah Alam .... yang dihadiri oleh para saudara dan saudari... semuanya dengan berkat ahli sanad Sidna Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili -moga ALLAH meredhoinya dan mencapaikan keredhoan buatnya serta mengurniai kita kemanfaatannya dunia akhirat-.



وَاللهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Dan ALLAH Telah Menciptakanmu Serta Apa Yang Kamu Lakukan -18

14 Januari 2016

Selepas artikel ini saya akan menukar judul kepada jeritan dari hati kecil insan… Insya ALLAH.

Akhirnya Sidi Professor Dr. Manee' Ibnu Sidna Syeikh Al-Akbar Abdul Halim Mahmoud رضي الله عنهما وأرضاهما berpindah mengadap ALLAH Tuhannya

pada hari Khamis waktu asar bulan Rejab, di hospital…. Dengan ditangani oleh Sidna Syeikh Abdun Nasir dan tika itu aku turut bersama beliau di hospital.

Seperti yang dikata oleh Sidna Al-Ghauts Abu madyan رضي الله عنه وأرضاه tika beliau sampai di Tilimsan dari kotanya Bijayah… "…sekarang sudah sampailah masanya berbaring"

Sidna Syeikhul Islam Abdul Halim telah mencapai maqam As-Siddiqiyyah Al-Kubro yang menjejak

langkah Saiyidina Abu Bakr As-Siddiq رضي الله عنه وأرضاه ونفعنا به... maqam ini adalah sedarjat dengan kedudukan wali-wali quthb yang empat, akan tetapi tidak dibawah hukum mereka seperti mana halnya maqam wali Al-Fard.... Yang setaraf dengan maqam wali Al-Ghauts

WALLAHu a'lam... dan lagi aku istighfar kepada ALLAH dari bercakap tanpa beramal... ya ROBBI berilah kami taubat nasuha.

Sidi Syeikh Manee' dikebumikan di sisi saudara perempuannya di desanya Darus Salam... dekat dengan bandar Bilbis... Muhafazah As-Syarqiyyah... selepas solat Jumaat.

Pada pagi hari yang sama aku menghantar Sidna Syeikh Abdun Nasir ke lapangan terbang kerana beliau musafir ke Morocco untuk berziarah kepada nendanya Sidna As-Syeikh Al-Kamil Abdus Salam Bin Masyish... Maurid Az-Zham`an (Tuan Penghilang Dahaga)... kata beliau kepadaku : Duduklah engkau di sini mentakziahi kewafatan teman hidupmu Sidi Manee'.

Sesudah mengucap selamat berpisah dan bertangis-tangisan kepada Sidna Syeikh Abdun Nasir...aku pun pergi ke upacara takziah.

Aku duduk bersebelahan dengan Sidi Al-Haj Soleh yang merupakan kalangan murid sejati, demikian aku dengar tentang beliau berkali-kali

disebut oleh Sidna Syeikh Abdun Nasir… kata Sidna Syeikh kepadaku… Sidi Al-Haj Soleh itu di rumahnya sendiri adalah tetamu…

Datang Sidi Al-`Umdah (Tok Penghulu) Mahmoud yang merupakan adik kepada Hajjah Malak, isteri Sidi Dr. Manee'… kata beliau puan Hajjah Malak nak bertemu tuan Sidi Dr. Mahmoud dengan Sidi Al-Hajj Soleh.

Maka pergilah kami ke ruang tamu yang di situlah dahulunya Sidna Syeikh Abdul Halim akan menginap jika singgah ke kampungnya… itulah rumah kakaknya Hajjah Aminah… puan hajjah itu sudah aku ziarahi berkali-kali bersama dengan Sidi Syeikh Ali Al-Kumi dan Sidi Dr. Manee'… puan hajjah itu akan gembira tiap kali menerima kedatangan kami dan menghidang makanan yang sama beliau pernah hidangkan kepada Sidna Syeikh Abdul Halim.

Saat itu kami bertiga… Al-Hajj Soleh, Tok Penghulu dan aku si hamba yang hina, fakir lagi dhaif… maka masuklah Hajjah Malak…

lalu kata puan hajjah kepadaku : "SubhanALLAH… tuan duduk di tempat yang sama dahulu diduduki oleh pamanku Sidna Syeikh Abdul Halim, dengan cara duduk yang sama juga…" puan hajjah lalu menghidang kopi kepada kami bertiga.

Sesudah itu puan hajjah berkata : "Dengarlah tuan-tuan hikayat ini… pertama-tamanya aku rindu kepada suami dan tuanku Sidi Dr. Manee', Insya ALLAH aku akan mengikutnya nanti

bukan pada aidil fitri yang mendatang ini, tapi yang selepasnya"… Subhanallah apa yang puan hajjah sebut memang menjadi kenyataan selepas aku meneliti perkhabarannya.

Ya Dr. Mahmoud…apa yang arwah suamiku (Sidi Dr. Manee') ceritakan padamu dahulu… dia kata dirinya yang mandul dan dia sudah mencuba berbagai rawatan dan cara, tapi tiada faedah… tuan lihatlah betapa agungnya suami dan tuanku itu…

…sebenarnya akulah yang mandul…tapi beliau tidak berkahwin lain dan tak juga menceraikan aku.

Yang penting sekarang biarlah aku sambung ceritaku…

(Kata Hajjah Malak) : Pada tahun 70an ketika pamanku Syeikh Abdul Halim menjadi Syeikhul Azhar…beliau ada di sini dan duduk di kerusi yang sama

lalu datanglah satu rombongan dari Universiti Asyuth…dekan fakuliti, para professor dan termasuklah As-Syeikh At-Thantawi yang waktu itu baru saja tamat pengajian kedoktoran.

Aku masuk menghidangkan kopi kepada para

tamu…kemudian Sidna Syeikh Abdul Halim mengujar… puteriku Malak, kamu bercakaplah… ini sebenarnya dari bab keramat… beliau menggerakkan aku untuk bercakap.

Aku pun bicara : "Ya Dr. Thantawi… bahawa pamanku Syeikh Abdul Halim Mahmud sekarang telah menurunkan tandatangan bahawa satu hari nanti anda akan menjadi Syeikhul Azhar

namun nanti anda akan bersikap kasar terhadap putera Syeikh Abdul Halim Mahmoud… anda akan memusuhinya tanpa sebab".

Dr. Thantawi tertawa… boleh jadi kerana dia mendengar bicara khurafat ini… lalu tidak mempercayainya… bagaimana kan mungkin dia bakal menjadi Syeikhul Azhar sedangkan dia bukan siapa-siapa… doktor PhD sepertinya ada beribu-ribu lagi.

Dr. Thantawi menulis tarikh hari itu diatas sekeping kadnya dan menurunkan tanda tangan lalu memberinya kepadaku (Hajjah Malak)…"

Hajjah Malak menunjukkan kepada kami kad itu dan memberinya kepadaku… kad itu masih ada dalam simpananku.

Hajjah menyambung ceritanya….: "Kau lihatlah wahai Dr. Mahmoud… Dr. Thantawi tidak hadir pun memberi takziah (atas pemergian suamiku)…